فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KEAMANAN dan kestabilan tidak boleh roboh walau apa pun keadaan. Jika ia roboh, walau dalam keadaan kita makmur, maka kemakmuran itu tidak akan memberi makna apa-apa".
- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-32, Tahun 2016.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Pelita BRUNEI

ڤليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Ibnu 'Abbas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : "Apabila engkau meminta, mintalah kepada Allah, dan apabila engkau meminta tolong, maka minta tolonglah kepada Allah". (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.37 | 12.22 | 3.29 | 6.27 | 7.37 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 44 | 12 APRIL 2021 / 1442 شعبان 29 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


*"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# THE BIG WALL PAMER MERCU TANDA IKONIK NEGARA




**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Yang Berhormat Menteri Pembangunan bergambar ramai bersama para artis lukisan tempatan Brunei yang terlibat melaksanakan fasa ketiga projek 'The Pedestrianisation of Jalan Roberts and Adjacent Alleyways', yang juga dikenali sebagai The Big Wall berkenaan - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (*Lihat muka 2*).**

# Mantapkan penghayatan jati diri kebruneian

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Simposium Pendidikan Negara Zikir Melayu Islam Beraja (MIB) anjuran bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB Negara Brunei Darussalam dibuka hari ini sejurus majlis perasmian berlangsung di Dewan Tarbiah, KUPU SB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga selaku Ahli Majlis Tertinggi MIB 2021 - 2024.

Majlis dimulakan dengan bacaan Asmaul Husna dan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-Mujadalah, ayat 11-12 oleh Pegawai Pelajaran (Taranum), Pusat Ilmu Teras KUPU SB, Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya.

**Ke muka 5**

# Wujudkan masyarakat harmoni, bersatu padu, bertanggungjawab

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Seramai 266 pemohon diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-34, diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapannya menjelaskan, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**Ke muka 4**





IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama



BELIA da'ie perlu bersikap mesra masyarakat

Muka 6




GALERI Lentera Makmur - berinovatif, bermaklumat serlahkan Jabatan Penerangan

Muka 28

## STATISTIK COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 11 APRIL 2021, 12.00 tengah hari

| | |
|---|---|
| **219** Jumlah kes jangkitan | **117,020** Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020) |
| **3** Jumlah kematian | **16,574** Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
| **206** Jumlah kes yang sembuh | **10** Kes aktif |

Ministry of Health Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

# The Big Wall pamer mercu tanda ikonik negara

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyempurnakan Perasmian fasa ketiga projek 'The Pedestrianisation of Jalan Roberts and Adjacent Alleyways', yang juga dikenali sebagai The Big Wall (kanan), sementara gambar kiri, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyampaikan sijil kepada salah seorang artis lukisan tempatan Brunei yang menjayakan projek tersebut.**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 11 April. - Lukisan mural besar yang tersergam indah hasil seni Guerrilla Artchitects Studio, Shop and Gallery menceriakan lagi suasana ibu negara, seterusnya mencantikkan lagi kawasan ibu kota.

Guerrilla Artchitects Studio, Shop and Gallery diberikan peluang oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Pembangunan untuk merancang dan melaksanakan fasa ketiga projek 'The Pedestrianisation of Jalan Roberts and Adjacent Alleyways', yang juga dikenali sebagai The Big Wall, yang mempamerkan lukisan mural di permukaan besar dinding bangunan Lot 155 bersebelahan dengan Panggong Borneo.

Fasa ketiga projek 'The Pedestrianisation of Jalan Roberts and Adjacent Alleyways' merupakan satu inisiatif, di bawah kelolaan Jabatan Bandaran, KHEDN dengan kerjasama Kementerian Pembangunan, dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong bersama Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Konsep awal di sebalik reka bentuk The Big Wall berkenaan merupakan gabungan elemen-elemen yang memperlihatkan identiti Negara Brunei Darussalam, seperti mercu tanda ikonik negara, iaitu Kampong Ayer, hutan hujan tropika dan sebagainya.

Reka bentuk berkenaan dicantikkan lagi dengan gabungan pelbagai warna.

Dengan penglibatan 10 artis lukisan tempatan Brunei, enam orang artis, terdiri daripada Guerrilla Artchitects dan empat artis undangan, reka bentuk berkenaan disiapkan dalam tempoh masa tiga minggu (dari 17 Disember 2020 hingga 8 Januari 2021).

Projek berkenaan juga berjaya siap dilaksanakan dengan sokongan yang diberikan oleh Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Jabatan Kerja Raya dan penglibatan beberapa buah agensi.

## WAKTU SEMBAHYANG

| APRIL MASIHI | HARI | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | ISNIN | 29 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.37 | 12.22 | 3.29 | 6.27 | 7.37 |
| 13 | SELASA | 1 RAMADAN | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.22 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 14 | RABU | 2 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.22 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 15 | KHAMIS | 3 | 4.45 | 4.55 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 16 | JUMAAT | 4 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.36 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |
| 17 | SABTU | 5 | 4.44 | 4.54 | 6.13 | 6.35 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |
| 18 | AHAD | 6 | 4.44 | 4.54 | 6.13 | 6.35 | 12.21 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 30 24 °C | 30 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Tutong | 30 24 °C | 30 24 °C | 31 25 °C |
| Kuala Belait | 30 24 °C | 30 25 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 12 APRIL 2021

### GANDAKAN IBADAH, PAHALA DIRAIH

**BULAN** Ramadan merupakan bulan ibadah yang ditunggu oleh umat Islam. Ia mempunyai kelebihan daripada bulan lain dan merupakan peluang untuk kita melipatgandakan amal ibadah kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sama ada amalan-amalan fardu atau sunat.

Bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk kita mendidik diri kita ke arah kebaikan kerana pada bulan ini, kita bukan sahaja diwajibkan untuk berpuasa dan mengawal hawa nafsu, bahkan dituntut untuk memperbanyakkan amalan-amalan sunat.

Antara amalan sunat yang dianjurkan untuk dilakukan di sepanjang bulan Ramadan adalah bersahur. Ulamak sepakat mengatakan, bahawa hukum makan sahur adalah sunat. Sahur, bukan sahaja memberikan tenaga untuk kita berpuasa di siang hari, malah ia juga mengandungi keberkatan. Bersahur merupakan perbuatan yang membezakan puasa umat Islam dengan puasa penganut agama lain.

Memperbanyakkan amalan sedekah tidak kira kecil atau besar kerana ia sangat digalakkan dalam Islam, terutama sekali dalam bulan Ramadan kerana dengan bersedekah dapat meringankan beban mana-mana anggota masyarakat yang berhajat dan memerlukan bantuan. Selain daripada bersedekah, amalan memberi makan kepada orang yang berpuasa atau menyungkaikan juga amat digalakkan.

Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, sama ada di masjid, surau atau balai ibadat kerana sesungguhnya barang siapa yang menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan dengan memperbanyakkan sembahyang sunat kerana iman dan mengharapkan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu.

Jangan sekali-kali meninggalkan Sembahyang Sunat Witir kerana ia merupakan Sembahyang Sunat Muaakad (Sunat yang Dituntut) yang mengiringi Sembahyang Sunat Tarawih. Sembahyang Witir bukan hanya dikhususkan di bulan Ramadan sahaja, bahkan sunat didirikan pada setiap malam.

Bulan Ramadan merupakan bulan Al-Quran, oleh itu, perbanyakanlah membaca Al-Quran pada bulan Ramadan setiap waktu, sekurang-kurangnya satu juz setiap hari, agar dapat khatam Al-Quran sekali dalam bulan Ramadan. Amal-amal ibadah lain, seperti memperbanyakkan sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, bersembahyang fardu berjemaah di masjid, qiamullail dan seumpamanya.

Di samping itu jagalah adab ketika berpuasa, iaitu menjaga diri daripada melakukan perkara-perkara yang diharamkan, seperti menjaga pandangan, pendengaran, percakapan, perbuatan daripada perkara-perkara yang diharamkan dan sia-sia. Begitu juga menahan perut daripada makan makanan dan minuman yang syubhah apatah lagi yang haram, terutamanya ketika berbuka puasa dan bersahur.

Selain daripada persediaan rohani, apa yang penting juga kita perlu menjaga kesihatan kerana dengan tubuh badan yang sihat akan memudahkan kita menjalankan ibadah puasa dan ibadah-ibadah lainnya.

Laksana amal ibadah dengan niat yang ikhlas, dirikan sembahyang sunat dengan fokus, baca ayat-ayat suci Al-Quran dengan tertib juga jelas, jaga telinga, mata, mulut dan kesihatan jangan sekadar pas-pas, pastikan semua dilakukan akan meninggalkan bekas, bekas kebaikan, keberkahan dan keikhlasan yang mulus.

Puasa dilaksanakan, amal ibadah digandakan, kesihatan diutamakan, keredaan Allah Subhanahu Wata'ala diharapkan, keperluan mereka yang memerlukan dihulurkan, sembahyang sunat didirikan, ganjaran diharapkan, segala dosa dipohon agar diampunkan. **- Ketua Penyuntingan (Nb)**

# KREATIVITI DISERLAHKAN DI KERUSI, MEJA SEKOLAH TERPAKAI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (lima, kiri) bersama Yang Berhormat Menteri Pembangunan (tiga, kiri) semasa Pelancaran Pameran '101 Tables : A Community Giveback Project' dan menyaksikan lebih dekat antara kerusi juga meja yang dibaiki dan dicat / dilukis dengan corak kreatif untuk diguna pakai semula tersebut (atas dan atas kanan).



**Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 April. - Sebanyak 101 set kerusi dan meja terpakai yang dicat juga dilukis menggunakan corak kreatif dipamerkan di kawasan ruang tengah Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Pelancaran pameran '101 Tables : A Community Giveback Project' disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong bersama Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Pameran '101 Tables : A Community Giveback Project' tersebut dikendalikan oleh Blue Raincoat Collective dan disokong oleh YSHHB.

Melalui projek ini, seramai 101 sukarelawan yang mempunyai jiwa besar dan kreatif, ikut serta dalam mengitar semula sebanyak 101 set kerusi dan meja sekolah terpakai yang disumbangkan oleh Sekolah Rendah YSHHB.

Set kerusi dan meja tersebut dibaiki dan dicat / dilukis dengan corak kreatif untuk diguna pakai semula.

Set kerusi dan meja tersebut, seterusnya akan disumbangkan kepada penduduk yang memerlukan di Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B', di bawah Program Ristaan Abadi.

Blue Raincoat Collective merupakan salah satu pengusaha yang terlibat dalam Program Ristaan Abadi, di Kampung Bolkiah. Program Ristaan Abadi merupakan program usaha sama YSHHB bersama beberapa pengusaha tempatan, bertujuan untuk memberikan peluang dan platform pembelajaran juga membimbing kepada Penduduk Kampung Bolkiah melalui pelbagai aktiviti dan latihan dalam bidang keusahawanan, pemeliharaan budaya juga warisan, pembinaan keupayaan dan pengurusan alam sekitar.

Juga hadir pada pelancaran tersebut, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Pameran '101 Tables : A Community Giveback Project', dibukakan kepada orang ramai, di Plaza Tengah, Kompleks YSHHB sebelum disumbangkan kepada penduduk yang memerlukan di Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.

## COVID-19 : 10 kes masih dirawat

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**
**Infografik : Bahagian Pelita Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah kekal seramai 219 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 340 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 78 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 10 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 206 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 406 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,574 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 170 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 117,020 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.






# WUJUDKAN MASYARAKAT HARMONI, BERSATU PADU, BERTANGGUNGJAWAB



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan Sijil Taraf Kerakyatan kepada penerima yang diraikan.

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

Dari muka 1

"Ketaatan kepada raja dan pemimpin merupakan satu tuntutan dalam agama Islam selepas mentaati Allah dan Rasul-Nya.

"Sehubungan dengan itu, adalah menjadi kewajiban setiap rakyat jua untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dan bersama-sama memelihara dan mempertahankan keamanan dan keselamatan bagi kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini.

"Selaku Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam, kita hendaklah mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni, bersatu-padu dan bersama-sama mempunyai sikap bertanggungjawab dan tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir lain, sama ada dari luar atau dalam negara ini," nasihat Yang Berhormat lagi.

Adapun Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan ini, semata-mata bertujuan bagi mengalu-alukan, seterusnya sebagai tanda penghargaan atas pengiktirafan kepada Penerima-penerima Sijil Taraf Kerakyatan yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku rakyat baginda.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Pengiran Mohammadin bin Pengiran Haji Aliakbar selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, para penerima yang telah diperkenankan untuk menerima Sijil-sijil Taraf Kerakyatan tersebut, terdiri daripada kalangan orang-orang yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei Penggal 15.

Seramai 49 orang menerima Sijil Taraf Kerakyatan, menurut bab 5(6), iaitu kategori permohonan isteri-isteri yang telah berkahwin, dengan warganegara Brunei Darussalam, seramai 217 orang diperkenankan menurut bab 6(1), iaitu kategori bagi anak-anak kepada warganegara Brunei Darussalam (sama ada mengikut ayah / ibu / kandung atau ayah / ibu angkat), terang beliau lagi.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Penghulu-penghulu Mukim juga pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.



ANTARA penerima pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-34.

# Kukuhkan penghayatan, pengamalan Negara Zikir



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa membincangkan tajuk simposium 'Pendidikan Melayu Islam Beraja' pada Nadwah Khas yang merupakan salah satu pengisian Simposium bertemakan 'Brunei Darussalam Negara Zikir MIB'.

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 April. - Pelbagai cabaran pada era kini sangat memerlukan generasi sekarang untuk dilengkapkan dengan pemikiran yang maju bagi menjamin negara akan terus berada dalam keadaannya sekarang, oleh itu, guru-guru memainkan peranan untuk mengajarkan Melayu Islam Beraja (MIB), bukan sahaja sekadar ilmu, tetapi menanamkan nilai-nilai MIB ke dalam jati diri pelajar.

Perkara tersebut, antara yang digariskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, semasa membincangkan tajuk 'Pendidikan MIB' pada Nadwah Khas, yang berlangsung di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Nadwah tersebut merupakan salah satu pengisian Simposium bertemakan 'Brunei Darussalam Negara Zikir MIB', yang diadakan antara lain bertujuan untuk memberikan kefahaman akan kepentingan pendidikan gagasan Negara Zikir dan Konsep MIB.

Selain itu, juga untuk memperkukuhkan penghayatan dan pengamalan Negara Zikir MIB bagi warga Perkhidmatan Awam dan masyarakat Negara Brunei Darussalam, seterusnya menyemai nilai dan jati diri kebruneian melalui gagasan Negara Zikir dan Falsafah MIB.

Nadwah dipengerusikan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Terdahulu dalam mukadimahnya, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar menyatakan, bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran MIB merupakan barisan hadapan yang berperanan penting dalam menyampaikan, mengajarkan dan menerapkan nilai-nilai MIB kepada para pelajar, iaitu generasi muda masa kini dan masa hadapan.

Generasi terdahulu, tambah Yang Berhormat, berpeluang untuk menyaksikan sendiri peristiwa pemasyhuran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984, seterusnya berpeluang mengharungi detik-detik atau peristiwa sebelum dan selepas kemerdekaan juga berkesempatan untuk melihat perubahan dan kemajuan negara yang mengambil tempat sehingga ke hari ini.

Yang Berhormat, seterusnya menyentuh mengenai pengukuhan pembentukan negara bangsa setelah pemasyhuran tersebut melalui pemantapan sistem pendidikan juga Sejarah Pendidikan Brunei yang menyaksikan penubuhan dan perkembangan pendidikan Dwibahasa, iaitu aliran Melayu, Inggeris dan Cina yang berlaku sehingga sekarang.

Walaupun terdapat cabaran terhadap pelaksanaan pendidikan aliran Dwibahasa tersebut, kata Yang Berhormat, namun keyakinan terhadap pelaksanaan pendidikan bahasa lain, seperti Inggeris yang dianggap sebagai bahasa antarabangsa kerana terdapatnya peluang-peluang yang boleh diberikan kepada rakyat untuk dapat menerokai pendidikan di luar negara.

Struktur sistem pendidikan negara turut lengkap dengan pembangunan institusi-institusi pengajian tinggi, seperti contoh pada tahun 1985, Universiti Brunei Darussalam dan Institut Teknologi Brunei.

Begitulah matlamat utama negara, jelas Yang Berhormat, iaitu menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang lengkap untuk bergerak sebagai sebuah negara merdeka.

Yang Berhormat turut mengongsikan, bahawa perkembangan MIB boleh dibahagikan pada tiga fasa, iaitu fasa membina bermula tahun 1984 - 1995; fasa kedua antara tahun 1996 - 2007 sebagai fasa pembangunan; dan fasa ketiga bermula 2010 hingga sekarang merupakan fasa penghayatan terhadap nilai-nilai MIB.

Memperkasakan MIB sebagai sebuah ilmu yang mampu menjadikan pelajar menjadi model insan yang diharapkan oleh negara. Oleh itu, Yang Berhormat menambah, cabaran boleh dipikul jika semua bersatu, tidak segera terpengaruh atau mengubah fikiran.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan- timbalan Setiausaha Tetap, perwakilan universiti, pegawai- pegawai kanan kerajaan, pensyarah-pensyarah, guru-guru juga para mahasiswa pengajian tinggi.

Simposium Pendidikan Negara Zikir MIB Edisi II akan diadakan pada 8 Ramadan 1442H bersamaan 20 April 2021M dengan acara utama, iaitu Kuliah Perdana II, yang akan disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sehubungan itu, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan juga orang ramai yang berminat untuk menyertai Simposium Edisi II nanti, boleh menghubungi Pusat Ilmu Teras KUPU SB menerusi talian +673 2236277 atau +673 8628213.



SEBAHAGIAN daripada jemputan yang hadir pada pada Nadwah Khas tersebut.

# MANTAPKAN PENGHAYATAN JATI DIRI KEBRUNEIAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Ahli Majlis Tertinggi MIB 2021 - 2024 semasa merasmikan Simposium Pendidikan Negara Zikir Melayu Islam Beraja (MIB).

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Dari muka 1

Pengarah Pusat Ilmu Teras, Awang Kharhan bin Haji Jait, selaku Pengerusi Simposium dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa penganjuran Simposium berkenaan merupakan Kuliah Perdana Kursus Negara Zikir MIB dari kuliah-kuliah yang dilaksanakan di KUPU SB sebelumnya dengan mengembangkan lagi skop sasaran bukan sahaja kepada pelajar KUPU SB bahkan kini dibukakan kepada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai kerajaan, Tenaga-tenaga Pengajar Kursus MIB dari institusi-institusi pengajian tinggi, Pegawai Kurikulum dari Unit MIB Jabatan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Guru-guru mata pelajaran MIB dari sekolah-sekolah menengah dan rendah dari kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar dari institusi-institusi pengajian tinggi dan masyarakat awam.

Jelasnya, ia adalah untuk mengambil manfaat daripadanya sesuai dengan matlamat penganjuran untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi penghayatan nilai dan jati diri kebruneian / calak Brunei dan kelestarian kehidupan melalui MIB dan bagi menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan peri kepentingan sistem nilai sebagai tunjang dalam MIB.

Majlis diteruskan lagi dengan tayangan klip video 'Pemasyhuran Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1984' dan diselajurkan dengan laungan takbir pengisytiharan kemerdekaan beramai-ramai, diikuti dengan persembahan hadrah daripada mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Selain itu, pameran juga diadakan di ruang lobi KUPU SB, iaitu Pameran Adat dan Budaya Masyarakat Brunei dari Mahasiswa Mahasiswi Kursus Minor Pendidikan MIB yang mengetengahkan kuih-muih tradisi dan masakan tradisi Brunei, adat perkahwinan orang Melayu Brunei juga peralatan menangkap ikan.

Adapun objektif pameran itu antaranya sebagai pembarigaan kepelbagaian adat dan budaya masyarakat Brunei dan untuk meningkatkan penghayatan terhadap nilai adat dalam kalangan para belia.





PAMERAN Adat dan Budaya Masyarakat Brunei daripada para Mahasiswa Kursus Minor Pendidikan MIB yang mengetengahkan kuih-muih tradisi dan masakan tradisi Brunei, adat perkahwinan orang Melayu Brunei juga peralatan menangkap ikan, di samping jualan buku (atas, bawah dan kiri).



# Fahamkan maksud, inti pati MIB

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Setelah hampir 40 tahun pemasyhuran kemerdekaan dan melalui fasa-fasa mengenalkan dan memahamkan konsep MIB, kita juga sebetulnya melalui dan kini berada dalam fasa dan proses dinamika Melayu Islam Beraja (MIB) selanjutnya.

Proses dan dinamika seterusnya itu ialah mengukuhkan sendi-sendi kenegaraan MIB itu. Dan kita bersyukur kepada Allah kerana dalam proses itu kita menyebut-nyebut Negara Zikir.

"Alhamdulillah, kita sedang dalam fasa menyebut-nyebut MIB itu sekarang dengan niat dan azam mengekalkannya sebagai negara yang dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala dengan pemerintahan beraja, rakyatnya serta penduduknya," jelas Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa merasmikan Simposium Pendidikan Negara Zikir MIB, hari ini.

Yang Berhormat juga selaku Ahli Majlis Tertinggi MIB 2021 - 2024 menjelaskan di sini, generasi demi generasi akan sentiasa dalam rahmat kasih sayang Allah, berkat pegangan kuat kepada ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dengan meletakkan diri dalam ruang lingkup ciri-ciri utama Zikrullah yang kita niat dan azamkan negara MIB sebagai Negara Zikir.

Jelas Yang Berhormat, tentu usaha-usaha mempromosi nilai-nilai MIB akan lebih kukuh sambil mengketarakan unsur-unsur kenegaraannya serentak dengan terus-menerus mengketarakan ciri-ciri Negara Zikir itu.

Yang Berhormat menjelaskan, sesungguhnya MIB telah dan terus-menerus disebut-sebut semenjak ungkapan kata itu disebut menurut yang termaktub dalam Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan yang dititah-masyhurkan pada tengah malam 31 Disember 1983 menjelang 1 Januari 1984 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menandakan bahawa mulai dari 1 Januari 1984 itu sempurna mengambil alih tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya sebagai sebuah negara merdeka, berdaulat demokratik bersendikan ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Selama hampir 40 tahun sampai sekarang kita menyebut-nyebutnya. Di dalam banyak sempena dan suasana, di dalam dan di luar negara. Itu adalah menandakan perhatian berat kita kepadanya.

"Kalau kita mahu mengatakannya secara berfasa, maka fasa pertama menyebut-nyebut MIB itu ialah mengenalkannya sambil memahamkan maksud dan inti pati MIB itu.

"Saya kira kita sudah melimpasi fasa itu. Kalau pun masih menyebutnya dengan maksud mengenalkan dan memahamkan maksud inti pati MIB itu, maka itu, sangat wajar, terutama dalam kontek dan proses pembelajarannya menerusi peringkat-peringkat institusi pendidikan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, setelah melalui fasa pertama itu dengan banyak pengalaman yang berharga maka apabila kita memasuki fasa atau tahap seterusnya kita akan lebih fokus kepada aspek-aspek lain MIB itu dan ternyata akhir-akhir ini kita sering-sering menyebut MIB dalam konteks nilai-nilai yang terdapat dalam falsafahnya.

Maksud Yang Berhormat ialah nilai-nilai Melayu, Islam dan beraja. Sebab dengan nilai-nilai itulah sebetulnya negara kita Brunei Darussalam ini dikenali oleh dunia luar sejak ratusan tahun silam.

Kita boleh merujuk kepada hubungan dan konteks peneroka-peneroka Eropah yang sampai ke sini dan wilayah-wilayah kerajaan Brunei zaman dahulu. Dan dalam Kurun Ke-19 kita menerima peneroka Inggeris yang kita sifatkan benovelan yang mana melalui pengalaman bernaung dengannya Brunei telah menempuh babak-babak sejarah yang mencabar namun ternyata ianya sangat berharga apabila ia membawa dan kemudian meninggalkan unsur-unsur baharu dalam sistem urus tadbir negeri dan kerajaan.

Dalam kesemua itu, kata Yang Berhormat lagi, banyak faedahnya kepada Brunei dalam menempuh modenisasinya. Kita mendapati hikmah kebijaksanaan kepimpinan pemerintahan beraja, khasnya dalam era pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Brunei memasuki episod-episod modenisasi dengan tidak kehilangan keasliannya sebagai negara berpemerintahan beraja yang kuat ditunjangi oleh ajaran agamanya iaitu agama Islam dan dengan semangat kental beradat dan berbangsa Melayu.

Maka sedemikian pula yang seterusnya dalam era pemerintahan kepimpinan bijaksana raja dan Wali Al-Amri kita Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Baginda yang memasyhurkan kemerdekaan negara kita Brunei Darussalam dengan azam mengekalkannya buat selama-lamanya sebagai negara MIB yang merdeka berdaulat demokratik bersendikan ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

"Seterusnya baginda memasyhurkan azam bahawa menerusi negara MIB yang sedemikian itu (merdeka, berdaulat, demokratik bersendikan ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah itu) dan dengan petunjuk serta keredaan Allah jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat," kata Yang Berhormat lagi.

Dan seterusnya, tambah Yang Berhormat, memasyhurkan azam memelihara perhubungan persahabatan dalam kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

# BELIA DA'IE PERLU BERSIKAP MESRA MASYARAKAT



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (dua, kiri) menyampaikan Anugerah Khas Da'ie Muda Terbaik Muslimin kepada Awang Muhammad Iqmar Yazid bin Osli.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**KATOK**, Ahad, 11 April. - Seramai 44 belia yang mengikuti Program Akademi Da'wah 3.0 dari 30 Januari 2021 hingga 2 April 2021 lalu menerima sijil masing-masing, pada Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 3.0, yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SUAMP RIPAHS), Kampung Katok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, menyempurnakan penyampaian sijil dan anugerah khas kepada para penerima, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya, menekankan menjadi seorang Da'ie perlulah mempunyai sikap mesra masyarakat, iaitu bersifat ramah dan responsif terhadap masyarakat sekeliling juga membantu mewujudkan dakwah yang menyerlah dan berkesan.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, negara juga memerlukan Da'ie yang terlatih, di samping mempunyai ilmu pengetahuan ugama yang mantap dan melihat pada latar belakang mereka adalah belia-belia mahasiswa pengajian tinggi dari dalam dan luar negara dan mereka ini sangat berpotensi untuk bergiat dalam dakwah.

"Saya difahamkan, bahawa dalam tempoh tiga bulan, mereka dibimbing oleh mentor-mentor yang ditetapkan, terdiri daripada Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) serta dari badan atau pertubuhan NGO yang berkaitan dengan kemasyarakatan," jelas Yang Berhormat lagi.

Para belia Da'ie ini, juga turut diberikan kuliah mengenai akhlak dan ilmu-ilmu agama, seperti tafsir dan hadis, di samping latihan-latihan cara dakwah berkesan, pengucapan umum, penulisan kreatif dan yang menarik ialah mengadakan atau mengikuti kerja-kerja kemasyarakatan.

Yang Berhormat, dalam ucapannya, turut menekankan dalam hubungan kelayakan berdakwah kepada umum pula, iaitu dalam erti kata dan maksud mengajar ugama kepada umum, mereka hendaklah dilengkapkan dengan tauliah daripada pihak berwajib Majlis Ugama Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

"Tauliah kelayakan berdakwah, iaitu mengajarkan ugama kepada umum itu semata-mata, untuk tujuan memelihara pelaksanaan dakwah supaya teratur, sesuai dengan fahaman, ajaran dan amalan beragama yang kita ikuti dan kembangkan di negara ini," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga percaya, graduan-graduan Akademi Da'ie sangat faham dan mengerti akan hal ini, kerana mereka menyertai Akademi Da'wah dengan bimbingan mentor-mentor yang layak, tambahan pula, aktiviti mereka dalam masa tiga bulan, di bawah program Akademi Da'wah adalah diseliakan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Akademi Da'wah 3.0 dengan tema 'Generasi Pendakwah Muda, Pemangkin Ummah Rabbani' adalah satu program yang diungkayahkan oleh Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie, di bawah naungan Urusetia Program Keugamaan Belia, PDI, KHEU.

Pada majlis tersebut, beberapa anugerah disampaikan, antaranya Anugerah Peserta AD 3.0 (Pencapaian Standard) dan Insentif 2021; Anugerah Khas Da'ie dan Du'at Terbaik 2021; Anugerah Da'ie Terbaik, mengikut kategori, iaitu Anugerah Da'ie Muda Celik Buku Da'wah; Anugerah Da'ie Muda Celik Al-Quran; dan banyak lagi.

Acara juga diselajurkan dengan Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Fasilitator Jemputan, para Penaja dan Ahli Jawatankuasa Program Akademi Da'wah 3.0.

Program tersebut secara umumnya, bertujuan untuk melahirkan golongan pendakwah muda untuk menjadi pelapis Da'ie, seterusnya menjadi mentor atau pembimbing kepada bakal Da'ie seterusnya.

Namun, selain itu, ia juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan berdakwah dengan cara yang betul, dan melahirkan Da'ie yang dapat melaksanakan dakwah mengenai agama Islam juga memberikan pendedahan kepada orang awam mengenai penubuhan belia Da'ie sebagai wadah untuk berdakwah, khususnya kepada golongan muda.

# Martabatkan syiar Islam

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa membentangkan Kuliah Perdana I bertajuk 'Pendidikan Negara Zikir Berfalsafahkan Melayu Islam Beraja'.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Pembentangan Kuliah Perdana I bertajuk 'Pendidikan Negara Zikir Berfalsafahkan Melayu Islam Beraja', Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pendidikan secara persekolahan formal meliputi Pendidikan Umum dan Pendidikan Ugama serta menjadikannya sebagai pendidikan wajib secara undang-undang, iaitu dalam Perintah Pendidikan Wajib, 2007 dan Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012.

Semasa pembentangan berkenaan, Yang Berhormat menjelaskan, kedua-dua perintah tersebut dilihat sebagai membawa pengertian bahawa Negara Brunei Darussalam menjamin rakyat dan penduduknya untuk diberikan pendidikan, termasuk Pendidikan Ugama yang diwajibkan bagi kanak-kanak yang beragama Islam.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa Brunei sebagai Negara Zikir dapat menserasikan kedua-dua aliran Pendidikan Ugama dan Umum menjadi komponen dalam dasar Pendidikan Kebangsaan. Antara signifikan yang diperoleh ialah ia menjadi tanda bahawa negara kita, pemerintahan dan kerajaannya adalah telah dan sedang melaksanakan satu daripada Maqasid Syariah itu objektif utama Syariah dalam Aspek Hifzul 'Aqli, iaitu memelihara akal dalam makna mempromosi intelek.

Selain itu, ia turut menegaskan bahawa perkhidmatan bidang Pendidikan Umum adalah sama dengan perkhidmatan Pendidikan Ugama dan sebaliknya, di mana kedua-duanya adalah menepati objektif utama Syariah atau Maqasid Syariah.

Justeru itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa setiap lapisan dan jajaran perancangan dan pelaksanaannya adalah sama iaitu berkhidmat bagi memenuhi sebahagian daripada objektif atau matlamat utama agama.

Kedua-duanya, kata Yang Berhormat, melaksanakan tugas atau khidmat keagamaan yang ditaklifkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan masing-masing akan menerima ganjaran pahala atau balasan dosa sesuai dengan nilai usaha dan perbuatannya berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286.

Menerangkan mengenai Negara Zikir, Yang Berhormat pula menjelaskan, bahawa ia merupakan suatu istilah baharu yang dipakai dan dimantapkan dalam tradisi keilmuan Islam, berbanding dengan lafaz zikir yang telah wujud dan berakar umbi sebagai ajaran dan amalan dalam agama Islam.

Namun kedudukannya yang baharu itu tidak pula bermakna ia yakni Negara Zikir itu suatu yang asing dan tidak mempunyai sumber yang kukuh. Sebaliknya ia dapat dikatakan telah wujud dan sumbernya adalah kukuh seperti yang boleh dirujuk dalam Surah an-Nahl, ayat 112 yang mengisyaratkan bahawa penduduk sebuah negeri yang lalai daripada mengingati Allah dan mengingkari nikmat-nikmat yang Allah kurniakan kepada mereka telah kehilangan nikmat-nikmat tersebut.

Sebaliknya mereka ditimpa kesengsaraan berupa kebuluran (tiada atau tidak cukup bahan makanan) dan ketakutan (tiada keamanan serta tiada kesejahteraan).

Sehubungan itu, Brunei telah meletakkan dirinya berada dalam keadaan mengingati Allah, iaitu menepati maksud zikir tentu sekali bertujuan supaya Allah akan meredai pembentukan perlembagaan dan segala usaha menjalankan dan mencapai maksud-maksud yang diperuntukkan di dalamnya.

Membincangkan mengenai aspek Islam, antara perkara yang boleh diguna pakai menjadi kayu ukur terhadap keislaman Brunei, termasuk yang pertama, penerimaan Brunei terhadap Islam, iaitu agama Allah yang ajarannya disampaikan menerusi Rasul-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, menjadi anutan raja dan pembesar-pembesar negara juga majoriti rakyatnya.

Kedua, tambah Yang Berhormat ialah pengamalan dan penyebaran ajaran-ajaran Islam dengan menghormati serta memartabatkan syiarnya. Dan perkara ketiga berkaitan melembagakan Islam ke dalam sistem pemerintahan, adat istiadat dan kemasyarakatan. Kesemuanya adalah menandakan betapa Brunei sedang berada pada suatu keadaan ingatkan Allah. Selain ingatkan Allah menerusi amal ibadat yang biasa dalam Kategori Fardu Ain, bangsa Brunei juga ingatkan Allah dalam saat-saat dan peristiwa-peristiwa penting kenegaraannya.

Yang Berhormat juga menerangkan merujuk kepada titah pemasyhuran Kemerdekaan pada 1 Januari 1984, antara inti sari yang boleh dirumuskan, termasuk yang pertama, Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa dengan secara penuh sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka di kalangan masyarakat antarabangsa.

Kedua tambah Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam adalah tidak pernah menjadi tanah jajahan, tetapi mempunyai perhubungan-perhubungan yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dan pada tahun 1888 telah dipersetujui di antara keduanya bahawa perhubungan-perhubungan luar negara menjadi tanggungjawab Kerajaan British.

Inti sari ketiga, bahawa Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959 telah dimasyhurkan oleh Maulana Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan menurutnyalah, kerajaan negara ini disusun dan ia adalah menjadi undang-undang yang tertinggi bagi kerajaan negara ini.

Inti sari keempat menjelaskan bahawa segala hak dan kuasa kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, termasuk tanggungjawab urusan-urusan luar negara berlaku pada 1 Januari 1984.

Yang Berhormat merumuskan bahawa empat perkara yang diberikan latar belakang sejarah dan perkembangan atau kemajuan politik Brunei sehingga membawa kepada pencapaian semula kemerdekaan sepenuhnya yang dalam konteks Brunei ialah mengambil alih tanggungjawab antarabangsa sebagai negara yang berdaulat dan merdeka.

Turut dirumuskan dalam watikah titah pemasyhuran tersebut ialah azam politik dan aspirasi nasional iaitu mengekalkan Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan; menerusi negara Melayu Islam Beraja yang sedemikian itu dan dengan petunjuk serta keredaan jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat dan memelihara perhubungan persahabatan dalam kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

# Cetusan wacana taat setia PTE Klasik Jalan Muara 1975 - 1978

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BERAKAS**, Sabtu, 10 April. - Sebagai menzahirkan rasa kecintaan dan kasih sayang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, warga Pusat Tingkatan Enam (PTE) Klasik Jalan Muara 1975 - 1978 mengadakan Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda, Ke-75.

Majlis keagamaan penuh barakah itu dilangsungkan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Berakas, di sini, hari ini.

Program yang diungkayahkan oleh Warga PTE Jalan Muara, kali ke-2 itu, adalah sebagai cetusan wacana taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai seorang raja, pemimpin tertinggi negara yang berjiwa rakyat.

Turut hadir, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Yang Berhormat adalah Penaung Bersama Majlis dan merupakan mantan penuntut PTE Jalan Muara.

Juga hadir, hampir 100 lepasan penuntut-penuntut lelaki dan perempuan PTE Jalan Muara 1975 - 1978.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua.

Majlis kemudiannya, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar, dipimpin oleh Imam Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Awang Muhammad Khairuzan Amali bin Haji Kamsani, disusuli dengan bacaan Pelancaran dari Surah Al-Baqarah, ayat 1 hingga 25, disambung dengan membaca ayat-ayat 285 - 286 secara beramai-ramai, dipimpin bersama oleh Haji Awang Zainal Arifin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Sirat dan Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Safar.



**YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (tengah) pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Ke-75, yang diadakan oleh warga Pusat Tingkatan Enam (PTE) Klasik Jalan Muara 1975 - 1978.**

Acara diselajurkan dengan Majlis Bertahlil dan Membaca Doa Arwah bagi Allahyarham dan Allahyarhamah pengetua juga penuntut-penuntut PTE 1975 - 1978 yang telah kembali ke rahmatullah dan ayahanda juga bonda dan keluarga warga PTE Klasik Jalan Muara yang telah kembali ke rahmatullah, dipimpin oleh Awang Muhammad Khairuzan Amali.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran Khas - Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam juga Perlindungan COVID-19 dan Doa Selamat dibacakan oleh Imam masjid tersebut.

Warga PTE Klasik Jalan Muara sejak ditubuhkan pada 2013 memang bergerak aktif, terutama sekali dalam menganjurkan dan mengadakan majlis-majlis beridentitikan keagamaan.

Antaranya, Majlis - majlis Khatam Al-Quran di rumah-rumah warga PTE Klasik, Majlis 100 Kali Khatam Al-Quran PTE Klasik sempena Maulidur Rasul, pada 25 November 2018; Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Al-Quran sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-73, pada 31 Mac 2019; Majlis Khatam Al-Quran, pada 21 Ogos 2019 sempena Hari Keputeraan baginda Ke-73; Majlis Dikir sempena Maulidur Rasul, pada 4 November 2020; dan Majlis Khatam Al-Quran Kali Ke-126, pada 26 Disember 2020.

# COVID-19 : Tiada kes baharu

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**
**Infografik : Bahagian Pelita Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah kekal seramai 219 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 339 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 78 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 10 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 206 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 468 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,512 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 254 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 116,850 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.




## KEMASUKAN PEKERJA ASING DIBENARKAN MENGIKUT KATEGORI DITETAPKAN

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) sukacita ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa bermula hari ini, pertimbangan kemasukan pekerja-pekerja asing bagi perkhidmatan domestik adalah dibenarkan mengikut kategori-kategori yang ditetapkan.

Pertimbangan bagi kemasukan pekerja-pekerja asing bagi perkhidmatan domestik (seperti pembantu rumah dan pemandu persendirian), kebenaran adalah seperti berikut, iaitu bagi pekerja asing perkhidmatan domestik yang mempunyai *reentry visa* atau pas kerja yang masih sah dan berhasrat untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi bekerja dengan majikan asal.

Lesen buruh yang sah (atau telah diperbaharui) hendaklah dihadapkan bersama Permohonan Entry Travel Pass (ETP) pekerja berkenaan.

Seterusnya, bagi pekerja asing perkhidmatan domestik yang akan bekerja ke NBD bagi mengganti pekerja lama yang telah pulang ke negara asal (bukan tambahan).

*Job order* yang telah disahkan oleh Jabatan Buruh, hendaklah dihadapkan bersama Permohonan ETP pekerja berkenaan.

KHEDN melalui Jabatan Buruh akan mempertimbangkan permohonan pengambilan baharu bagi pekerja-pekerja asing perkhidmatan domestik secara *case-by-case*, mengikut sukat-sukat yang bersesuaian berserta dokumen-dokumen dukungan untuk membuktikan keperluan untuk mendapatkan pekerja dalam perkhidmatan domestik yang baharu.

Dalam hubungan ini, sukacita juga diperingatkan bagi mana-mana permohonan yang telah diberikan kebenaran, pekerja asing yang akan dijamin masuk ke NBD adalah dikehendaki untuk mempunyai keputusan Ujian Swab COVID-19 (RT-PCR) yang negatif sebelum masuk ke negara ini.

- **KEBENARAN adalah bagi pekerja asing perkhidmatan domestik yang mempunyai *reentry visa* atau pas kerja yang masih sah dan berhasrat untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi bekerja dengan majikan asal, maka lesen buruh yang sah (atau telah diperbaharui) hendaklah dihadapkan bersama Permohonan Entry Travel Pass (ETP) pekerja berkenaan.**
- **PEKERJA asing perkhidmatan domestik yang akan bekerja ke NBD bagi mengganti pekerja lama yang telah pulang ke negara asal (bukan tambahan), maka *job order* yang telah disahkan oleh Jabatan Buruh, hendaklah dihadapkan bersama Permohonan ETP pekerja berkenaan.**
- **MANA-MANA permohonan yang telah diberikan kebenaran, pekerja asing yang akan dijamin masuk ke NBD adalah dikehendaki untuk mempunyai keputusan Ujian Swab COVID-19 (RT-PCR) yang negatif sebelum masuk ke negara ini. Ujian tersebut hendaklah dijalani dalam tempoh 72 jam sebelum bertolak ke NBD.**
- **PENJAMIN (majikan) juga adalah dikehendaki untuk membuat tempahan penginapan di hotel-hotel yang diiktiraf bagi pihak pekerja asing tersebut untuk pengasingan diri mandatori mereka setelah memasuki negara ini. Kos bagi RT-PCR dan kos penginapan bagi tujuan pengasingan diri hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh penjamin (majikan).**

Ujian tersebut hendaklah dijalani dalam tempoh 72 jam sebelum bertolak ke NBD.

Pekerja asing dikehendaki untuk menjalankan RT-PCR kedua dan pengasingan diri mandatori apabila mereka tiba di NBD, berdasarkan garis panduan dan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan semasa ketibaan ke negara ini.

Penjamin (majikan) juga adalah dikehendaki untuk membuat tempahan penginapan di hotel-hotel yang diiktiraf bagi pihak pekerja asing tersebut untuk pengasingan diri mandatori mereka setelah memasuki negara ini.

Kadar bayaran hotel-hotel tersebut adalah mengikut kadar hotel masing-masing dan meliputi kos penginapan, makan minum, pengangkutan dari lapangan terbang ke hotel dan pengangkutan dari hotel ke tempat RT-PCR dilakukan, selaras dengan SOP-SOP yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan.

Kos bagi RT-PCR dan kos penginapan bagi tujuan pengasingan diri hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh penjamin (majikan).

Permohonan ETP hendaklah dihadapkan melalui laman sesawang *www.pmo.gov.bn/travelportal.*

Untuk sebarang keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Buruh menerusi talian +673 2301848 atau melayari laman sesawang Jabatan Buruh, *www.labour.gov.bn* dan / atau menghubungi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menerusi talian +673 2383106 atau melayari laman sesawang *www.immigration.gov.bn.*

# JABATAN PENERANGAN CATAT SATU 'MILESTONE' BERSEJARAH

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa merasmikan Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Dalam menelusuri 69 tahun penubuhannya, Jabatan Penerangan mengalami pelbagai anjakan paradigma dalam menyebarkan maklumat kepada segenap lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan mencatat satu lagi *milestone* bersejarah dengan Perasmian Galeri Lentera Makmur, disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Terdahulu itu, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim, dalam ucapan alu-aluannya, antara lain menjelaskan, Jabatan Penerangan yang mulanya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan Brunei, ditubuhkan pada 1 April 1952.

"Alhamdulillah, Jabatan Penerangan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnianya jua kita dapat menyambut Hari Penerangan yang Ke-69, pada tahun ini.

"Jabatan Penerangan tidak kurang dengan cabarannya dan telah melalui pelbagai perubahan peredaran zaman. Peranan dan fungsi jabatan juga semakin berkembang demi sama-sama mendukung hasrat negara. Namun, objektif asal penubuhan, iaitu untuk menyalurkan dan membarigakan maklumat dasar dan aktiviti kerajaan kekal relevan dan masih ditanai hingga ke hari ini," ujarnya lagi.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri, seterusnya menjelaskan, sesuai dengan visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', jabatan akan sentiasa mengamalkan *responsible reporting practices* dan akan mengikut peraturan-peraturan juga undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam menyampaikan perkhidmatan penerangan.

Galeri Lentera Makmur merupakan sebagai nilai tambah pada platform penyebaran maklumat yang sedia ada, sejajar dengan objektif asal Penubuhan Jabatan Penerangan, pada 1 April 1952, untuk menyalurkan maklumat, dasar dan aktiviti kerajaan kekal relevan dan masih ditanai secara berterusan sehingga ke hari ini.

Fokus galeri tersebut adalah kepada pengukuhan imej baik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan memastikan penyaluran maklumat dengan dasar program dan aktiviti juga inisiatif kerajaan menangani isu-isu terkini dibarigakan secara telus, tangkas dan berkesan.

Empat aspek yang terdapat di galeri tersebut, iaitu Raja Kita; Strategi Bahan-bahan Terbitan; Strategi Komunikasi Bersemuka; dan Strategi Perhubungan Media dan Media Baharu.

Wujudnya Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei, pada 15 Februari 1956 adalah untuk menyampaikan maklumat mengenai rancangan dan matlamat pembangunan negara, dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan kehidupan rakyat sejagat, pengumuman-pengumuman penting juga apa jua perubahan yang berhubung kait dengan kepentingan negara dan orang ramai.

Begitu juga bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan memainkan peranan untuk menyerlahkan imej raja dan negara, memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang dasar kerajaan, sosioekonomi, pendidikan, keagamaan, pencapaian dan perkembangan negara, tempat-tempat menarik, sejarah, kebudayaan, seni kraf tangan, makanan juga warisan

Melalui Strategi Komunikasi Bersemuka, pelbagai program kenegaraan dan kemasyarakatan dilaksanakan sebagai platform komunikasi dua hala di antara kerajaan dan masyarakat, di mana program tersebut adalah untuk menyemai juga memupuk rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotisme juga kenegaraan yang tinggi berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Dengan mengadaptasi era globalisasi, Jabatan Penerangan tidak ketinggalan menggunakan media baharu dalam penyebaran maklumat melalui media sosial Jabatan Penerangan, seperti Aplikasi Mudah Alih *InfoDeptBN*; Media Sosial Jabatan Penerangan dan Pelita Brunei; Skrin Bermaklumat Jabatan Penerangan dan sebagainya.

Jabatan Penerangan juga berusaha untuk menjaga imej negara dengan mengawal selia, memantau dan menyelaras hubungan media juga korporat di dalam dan luar negara.

Hadir sama pada majlis tersebut, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di JPM; dan Pegawai-pegawai Kanan JPM; Pegawai-pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan kerajaan; juga warga kerja Jabatan Penerangan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke Galeri Lentera Makmur pada hari-hari bekerja, iaitu Isnin hingga Khamis dan Sabtu, mulai 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan dibuka semula pada 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Bagi pengunjung secara berkumpulan hendaklah terlebih dahulu menghubungi Jabatan Penerangan menerusi talian +673 2383400 sambungan Unit Perhubungan Korporat.



**YANG Berhormat semasa menyaksikan antara Akhbar Pelita Brunei Berjilid yang dipamerkan di galeri berkenaan.**

# Galakkan warga JPM membudayakan amalan membaca Al-Quran

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (depan, dua dari kiri) pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021, yang diadakan oleh JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37, Tahun 2021.

Majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks JPM, di sini, dikendalikan bersama Bahagian Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang, JPM; Jabatan Kehakiman Negara; dan Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pesuruhjaya Kehakiman / Ketua Pendaftar Mahkamah, Yang Arif Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diketuai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim dan disusuli dengan bacaan Takhtim juga Dikir Marhaban daripada kumpulan pembaca-pembaca, terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis itu diakhiri dengan bacaan Doa Khatam yang dibacakan oleh Awang Haji Mohd. Juanda bin Awang Haji Damit dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.



**ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran tersebut.**

Majlis Khatam Al-Quran anjuran JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya ini merupakan julung-julung kalinya diadakan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021, di samping menggalakkan semua warga kerja JPM untuk membudayakan amalan membaca Al-Quran.

# KURANGKAN IMPAK PERUBAHAN IKLIM



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam semasa menanam sepohon pokok.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kanan) semasa menanam pokok.

**MUARA**, Sabtu, 10 April - Kementerian Pembangunan melalui Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan dan BruWILD mengadakan Majlis Inisiatif Karbon Biru iaitu Acara Penanaman Pokok Bakau dan Pokok Pantai yang diadakan bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37 bertempat di Kawasan Tanah Lembab Api-Api, Tanjung Batu, di sini.

Hadir sama pada majlis ini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Pengerusi Bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Tenaga, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra selaku Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim berserta Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam yang lainnya.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; ketua-ketua jabatan selaku agensi-agensi peneraju utama Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perhutanan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan taklimat ringkas mengenai peranan Pokok Bakau dan Pantai dalam mengurangkan impak perubahan iklim yang disampaikan oleh Presiden BruWILD, Dayang Liaw Lin Ji.

Seterusnya, aktiviti penanaman Pokok Bakau didahului oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan diikuti dengan penanaman pokok beramai-ramai oleh para jemputan, yang berjumlah 50 anak Pokok Bakau (Rhizophora Apiculata) di kawasan tanah lembab Api-Api dan sebanyak 100 anak Pokok Pantai yang terdiri daripada pokok-pokok jenis Ru Laut (Casuarina Equisetifolia) dan Penaga Laut (Calophyllum Inophyllum).

Acara penanaman pokok beramai-ramai tersebut mencerminkan usaha bersepadu pihak kerajaan dalam merealisasikan salah satu matlamat Wawasan Negara 2035 di bawah Strategi Negara Hijau di samping mendukung Strategi Ke-2 : Liputan Hutan yang terkandung dalam Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Penanaman Pokok Bakau seumpama ini merupakan julung kalinya diadakan ke arah menjayakan Kempen Penanaman 26,000 Pokok yang telah dilancarkan baru-baru ini yang sangat signifikan memandangkan Pokok Bakau merupakan salah satu spesies yang mempunyai kadar ketumbuhan yang cepat serta mampu menyerap karbon sehingga lima kali lebih tinggi berbanding dengan hutan tropika. Selain itu, penanaman Pokok Bakau juga boleh memberikan pelindungan kepada pelbagai spesies hidupan liar dan menyediakan semaian bagi habitat laut dan sungai.

Manakala Pokok Pantai pula dapat mengurangkan kelajuan angin dan melindungi pesisir pantai daripada hakisan yang disebabkan oleh gelombang ribut dan arus air. Malah penanaman pokok-pokok ini juga mampu membangun daya tahan negara daripada kesan-kesan akibat perubahan iklim.

Memandangkan Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada bencana yang berkaitan dengan perubahan iklim seperti banjir, ribut kencang dan kenaikan paras air laut, amatlah penting bagi Pokok Bakau dan Pokok Pantai tersebut dipelihara sebagai salah satu penyelesaian yang berasaskan alam semula jadi.

Dalam pada itu, pihak Kementerian Pembangunan juga menyeru agar semua pihak yang berkepentingan akan turut aktif dalam melaksanakan inisiatif seumpamanya dalam memastikan peralihan negara ke laluan yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim tercapai.

# Raih ganjaran pahala pada bulan Ramadan



Berita dan Foto :
Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima wakaf bagi 100 buah sejadah penyandar daripada Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), yang diserahkan oleh Yang Di-Pertua MKM, Yusof Shaik Halim (kiri), sementara gambar atas, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Ramadhan Bulan Mulia'.

**SUNGAI AKAR**, Sabtu, 10 April. - Bulan Ramadan adalah bulan yang mulia, di mana terdapat di dalamnya berbagai macam kebaikan, kelebihan dan keutamaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk kita, umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Maka dari itu, jangan sia-siakan setiap peluang yang ada untuk mengaut sebanyak-banyaknya ganjaran pahala di bulan yang penuh dengan rahmat, barakah dan kemuliaan ini.

Jangan sekali-kali sibukkan waktu kita dalam bulan Ramadan, melainkan diisi dengan melakukan ketaatan, amal ibadah dan perkara-perkara yg makruf.

"Jangan menjadi orang lelah letih berpuasa tetapi langsung tidak ada nilainya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala," tegas Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Ramadhan Bulan Mulia', yang berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar baru-baru ini.

Sesi ceramah anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) itu adalah sempena menyambut kedatangan bulan suci Ramadan Al-Mubarak 1442.

Hadir selaku tetamu khas, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sesi ceramah tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan amal ibadah, seperti memperbanyakkan sembahyang sunat dan membaca Al-Quran pada bulan Ramadan.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian wakaf bagi 100 buah sejadah penyandar dari MKM yang diserahkan oleh Yang Di-Pertua MKM, Yusof Shaik Halim kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penaung MRSB. Acara diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Tadbir MKM, Ahli-ahli MKM serta klien-klien MKM dan juga AJK Takmir dan Jemaah MRSB.

# HASILKAN KARYA SENI KREATIF BERMUTU TINGGI

- **PERADUAN Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 dan Projek Kreatif Fabrik OKU merupakan inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan diselenggarakan bersama oleh DBP dan Jabatan Pembangunan Masyarakat pada tahun ini bagi melahirkan dan mengangkat karya seni kreatif terbaik di negara ini.**

- **SENI kreatif yang antaranya merangkumi seni fotografi, seni lukisan, seni fabrik bukan sahaja sebagai sebuah medium ekspresi seni, malah juga berperanan penting terhadap pembangunan ekonomi negara. Produk-produk yang dihasilkan daripada kerja-kerja seni kreatif ini akan menunjang kepada kepelbagaian ekonomi negara.**



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Pelancaran Pameran Peraduan Fotografi dan Produk Artisan Pusat Bahagia dan Mahkota Designs.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERAKAS**, Sabtu, 10 April. - Awang Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman dan Awang Mohamad Hamizan bin Haji Ali Hamzah masing-masing muncul johan bagi Kategori 'A' dan 'B' pada Peraduan Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021.

Awang Abdul Hamid dengan tajuk gambar 'Generasi Baru' berjaya membawa pulang hadiah wang tunai BND500 dan sijil penyertaan manakala Awang Mohamad Hamizan dengan gambar bertajuk 'Keceriaan Generasi Muda Menyambut Hari Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-37' pula menerima hadiah wang tunai BND400 berserta sijil penyertaan.

Sementara itu, naib johan bagi Kategori 'A' dimenangi oleh Dayang Faridah binti Haji Jaya dengan gambarnya bertajuk 'Bendera Ku Brunei Darussalam' dan tempat ketiga disandang oleh Awang Haji Ali Hamzah bin Haji Gafar dengan gambar 'Insan Istimewa di Hari Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-37'.

Bagi Kategori 'B' pula, naib johan diraih oleh Awangku Iqbal Salleh bin Pengiran Haji Sulaiman dengan tajuk gambar 'Si Pembawa Bendera' manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Hassanul Fikri bin Mohammad Faizal dengan gambarnya 'Generasi Muda Aset Wawasan Negara'.

Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang berlangsung di ruang legar, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang turut melancarkan Pameran Peraduan Fotografi dan Produk Artisan Pusat Bahagia dan Mahkota Designs.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya berkata, Peraduan Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 dan Projek Kreatif Fabrik OKU merupakan inisiatif KKBS dengan diselenggarakan bersama oleh DBP dan Jabatan Pembangunan Masyarakat pada tahun ini bagi melahirkan dan mengangkat karya seni kreatif terbaik di negara ini.

Menurutnya, seni kreatif yang antaranya merangkumi seni fotografi, seni lukisan, seni fabrik bukan sahaja sebagai sebuah medium ekspresi seni, malah juga berperanan penting terhadap pembangunan ekonomi negara. Produk-produk yang dihasilkan daripada kerja-kerja seni kreatif ini akan menunjang kepada kepelbagaian ekonomi negara.

Oleh itu, Projek Peraduan Fotografi dan Kreatif Fabrik OKU yang diungkayahkan oleh KKBS melalui kedua-dua jabatan ini merupakan pencetus dan pemangkin bagi menggalakkan kalangan generasi muda dan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk terlibat sama berdaya saing menghasilkan karya seni kreatif yang bermutu tinggi dan mampu meningkatkan kebolehpasaran.

Menurut Awang Suip lagi, Pameran Peraduan Fotografi ini akan dilaratkan di keempat-empat daerah khususnya di Perpustakaan-perpustakaan DBP.

Peraduan Fotografi dibukakan penyertaannya bermula dari 24 Februari 2021 hingga 6 Mac 2021, dengan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kategori 'A' Terbuka (18 Tahun ke Atas), Kategori 'B' Remaja (12 Tahun hingga 18 Tahun) dan Kategori 'C' Kanak-kanak (12 Tahun ke Bawah).

Urus Setia Peraduan menerima seramai 21 peserta dengan 44 keping gambar bagi Kategori 'A', enam orang peserta dengan 14 keping gambar bagi Kategori 'B' dan tiada penyertaan bagi Kategori 'C'.

Manakala Produk Artisan Pusat Bahagia dan Mahkota Designs yang dipamerkan merupakan tekstil tudung eksklusif yang menggabungkan hasil lakaran pelatih-pelatih Kelas Lukisan OKU.

Produk ini merupakan hasil kerja kolaborasi pertama antara Artisan Pusat Bahagia dan Mahkota Designs di bawah Projek Kreatif OKU. Antara objektif projek ini ialah menggalakkan penghargaan terhadap kualiti, kemahiran dan memberikan nilai tambah terhadap produk yang dihasilkan oleh golongan OKU; mempromosikan usaha-usaha gabungan kerjasama sosial korporat Pusat Bahagia dengan pelbagai peringkat masyarakat termasuk syarikat swasta dalam membantu pembangunan golongan OKU di negara ini; dan mempelbagaikan pendapatan pelatih Pusat Bahagia.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pengarah-pengarah di KKBS serta jabatan-jabatan di bawahnya; pegawai-pegawai kanan kerajaan, panel hakim dan peserta-peserta Peraduan Fotografi.

# Belajar untuk bangkit, tidak menyerah kalah



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyampaikan hadiah dan sijil kepada penerima pada majlis tersebut.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**JALAN MUARA**, Sabtu, 10 April. - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) meraikan seramai 399 pelajar cemerlang bagi Pencapaian Akademik Peperiksaan BC-GCE Peringkat 'A' dan 'O' bagi Tahun 2020 yang diadakan secara berasingan bertempat di Auditorium maktab berkenaan, di sini.

Majlis itu turut menyaksikan penyampaian Anugerah High Achievement Award kepada 73 orang penerima iaitu 26 bagi pelajar Peringkat 'A' dan 47 bagi pelajar Peringkat 'O'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis penyampaian hadiah dan sijil kepada pelajar Peringkat 'O' pada sebelah petang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Dalam ucapan Yang Berhormat mengatakan bahawa bekerja keras itu penting tetapi belajar untuk bangkit dan tidak menyerah kalah apabila tidak mendapat keputusan yang disasarkan kerana kesihatan mental itu harus dijaga.

Yang Berhormat juga merupakan pelajar MSPSBS 20 tahun yang lalu, turut mengongsikan beliau sendiri pernah mengalami kegagalan dan terpaksa mengikuti kelas tambahan dan amat bersyukur kerana mempunyai persekitaran yang banyak memberikan kata-kata semangat sehingga Yang Berhormat amat menikmati sepenuhnya zaman persekolahan.

Yang Berhormat menyarankan agar para pelajar untuk memanfaatkan sepenuhnya segala peluang yang ada terutamanya aktiviti ko-kurikulum yang ditawarkan oleh pihak sekolah kerana pelajar-pelajar sekarang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan dan adalah penting untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran juga sikap.

Sementara itu, penyampaian hadiah dan sijil kepada pelajar Peringkat 'A' pula telah disempurnakan oleh Pengerusi Persatuan Ibu Bapa Guru MSPSBS, Dr. Hajah Norol-Ehsan binti Haji Abdul Hamid pada majlis yang diadakan sebelah pagi.

Pemangku Pengetua Maktab berkenaan, Dayang Hajah Susulawati binti DP Haji Muhammad dalam ucapannya mengongsikan pencapaian pelajar bagi 2020, daripada 278 calon, seramai 268 calon atau 96.4 peratus telah mencapai keputusan lima 'O' ke atas.

Sementara itu, 86.69 peratus yang menepati sasaran maktab iaitu mencapai 7 'O' Level yang mana jumlah ini meningkat sebanyak 9.29 peratus.

Beliau seterusnya menekankan, pihak maktab akan sentiasa berusaha merancang dan melaksanakan pelan strategik bagi meningkatkan prestasi pelajar maktab ke arah mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Antara lain objektif majlis berkenaan adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk bersaing dan bertanding secara sihat selain melahirkan pelajar inovatif dan kreatif.



**SEBAHAGIAN daripada pelajar yang hadir pada majlis tersebut.**




# ڤرسدياان سبلوم منجلڠ رمضان المبارك

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن سبنر-بنر تقوى يايت دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤداڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ، برأوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ يڠ تله مڠورنياكن كڤد كيت سموا نعمة إيمان، نعمة عمور، نعمة رزقي، نعمة كصيحتن دان لاين٢ نعمة يڠ تيدق ترهيتوڠ باڽقڽ. دڠن كيت مراسكن نعمة٢ ترسبوت، دالم ببراڤ هاري سهاج لاڬي كيت باكل دڤرتموكن لاڬي دڠن بولن يڠ مليا، بولن يڠ ڤنوه رحمة، بولن كأمڤونن دان بولن يڠ درينديوي اوله سلوروه أومة إسلام دسكنڤ ڤلوسوق دنيا يايت بولن رمضان المبارك. ڤد بولن إينله كيت أومة إسلام دواجبكن برڤواس. ڤرمان الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دالم سورة البقرة أية ١٨٣:

**تفسيرڽ:**

**واهي اورڠ٢ يڠ برإيمان! دواجبكن كأتس كامو برڤواس سباڬيمان دواجبكن أتس اورڠ٢ يڠ سبلوم كامو سڤاي كامو برتقوى.**

منجلڠڽ بولن رمضان المبارك اين، كيت دأنجوركن أنتوق ممڤرسياڤكن ديري، انتاراڽ:

**ڤرتام:** ممڤرتيڠكتكن عمل عبادة سڤرت ممڤربايقكن ڤواس سنة، ممڤربايق سمبهيڠ سنة، ممباچ القرآن، برذكر، برإعتكاف، قيام الليل دان سأومڤامڽ.

**كدوا:** مندالمي علمُ أكام خصوصڽ دالم ڤركارا عبادة ڤواس سڤرت حكوم-حكوم ڤواس دان اداب-ادابڽ.

**كتيك:** مڠقضأ ڤواس واجب يايت باڬي مريك يڠ بلوم سلسي اتو هابيس مڠقضاء فواس مريك. ستيڤ اورڠ مُكَلَّف يڠ منيڠڬلكن ڤواس رمضان سام اد دسببكن كعذورن سڤرت ساكيت، مسافر، حيض، نفاس، حامل دان بربوكا ڤواس تنڤا كعذورن اداله دواجبكن انتوق مڠقضا ڤواس سباڽق هاري يڠ تله دتيڠڬلكنڽ ايت.

سلاين ايت، اورڠ٢ يڠ بنر٢ تيدق ترداي انتوق مڠقضا ڤواس سڤرت اورڠ ساكيت يڠ تيدق اد هارڤن انتوق سمبوه. مريك تيدق دواجبكن انتوق مڠقضا ڤواس يڠ دتيڠڬلكنڽ ايت، اكن تتاڤي واجب باڬي مريك انتوق ممباير فدية سباڬي ڬنتي ڤواس يڠ دتيڠڬلكن. الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة البقرة أية ١٨٤:

تفسيرڽ:

**يايت ببراڤ هاري يڠ ترتنتو. ملك سسياڤ انتارا كامو يڠ ساكيت اتو دالم مسافر (بوليهله دي بربوكا، جك دي بربوكا) ملك واجبله دي برڤواس سباڽق (هاري يڠ دي بربوكا) ايت ڤد هاري٢ يڠ لاين. دان واجب كأتس اورڠ٢ يڠ تيدق ترداي برڤواس (كران توا دان سباڬيڽ) ممباير فديه يايت مبري ماكن اورڠ مسكين. تتاڤي سسياڤ يڠ دڠن سوكاريلا ممبريكن (بايرن فديه) لبه درڤد يڠ دتنتوكن ايت ملك ايت اداله سوات كبايكن باڬيڽ دان (والوڤون دمكين) برڤواس ايت لبه بايك باڬي كامو (درڤد ممباير فديه)، جك كامو مڠتهوي.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

باڬي سسياڤ يڠ ماسيه بلوم مڠقضا ڤواس رمضان ڤد تاهون لڤس اتوڤون سبلومڽ، ملك برسڬرا له مڠمبيل كسمڤتن مڠقضاڽ ڤد بولن شعبان اين أڬر تيدق تركنا دري ممباير فديه. فديه برأرتي بايران دندا يڠدكناكن كڤد سسئورڠ كران تيدق برڤواس رمضان دڠن سبب٢ ترتنتو اتو كران اورڠ ايت ملمبت-لمبتكن مڠقضا ڤواس رمضان يڠ دتيڠڬلكنڽ ايت سهيڠڬ ماسوق رمضان برإيكوتڽ.

اوله ايت، جك كيت ماسيه ممڤوڽاي قضاء ڤواس رمضان يڠ لالو دان بلوم دتونيكن، ملك تونيكنله هوتڠ٢ ڤواس ايت سماس كيت ماسيه صيحة دان برتناڠ سبلوم تيباڽ بولن رمضان. برسمڤنا بولن رمضان يڠ باكل منجلڠ اين، ماريله كيت سام٢ مرافعكن سڬل ڤوجي دان شكور كحضرة الله سبحانه وتعالى كران دڠن قدرة دان إرادهڽ جوا، كيت ڤد تاهون اين داڤة ميمبوت كداتڠن بولن رمضان المبارك مسكيڤون ڤد ماس كيني، سلوروه دنيا ماسيه بركلوت دڠن ڤنولارن وابق ڤنديميك كوبيد – ١٩.

اوله يڠ دمكين، كيت سموا جاڠنله ألڤا دري ممتوهي SOP يڠ تله دتتڤكن. جاڠنله كيت ترلالو براس سليسا دان ليكا دڠن ڤڠورڠن لڠكه٢ سكاتن يڠ تله دمولاكن. اين كران والوڤون جڠكيتن كوبيد-١٩ دنكارا كيت اداله دالم كادأن تركاول، نامون كيت ماسيه جوك دالم أنچامن وابق ترسبوت. سموڬ دڠن تيباڽ رمضان ڤد تاهون اين، كيت اكن داڤة ملقسناكن عمل عبادة دڠن سمڤورنا دان منداڤة ڬنجارن دان رحمة درڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. آمين يا ربُّ العالمين.

تفسيرڽ:

**سسياڤ يڠ مڠرجاكن عمالن يڠ صالح سام اد لاكي٢ اتو ڤرمڤوان، سدڠ دي اورڠ يڠ برإيمان، ملك سسڠڬوهڽ كامي سوده تنتو اكن مڠهيدوڤكنڽ دڠن كهيدوڤن يڠ بايك دان كامي سوده تنتو اكن مڠرنياكن مريك دڠن ڬنجارن يڠ لبه بايك درڤد اڤ يڠ مريك تله كرجاكن.** { سورة النحل آية: ٩٧ }

بارَكَ اللهُ لَنا فِى الْقُرْءانِ الْعظيمِ. وَنَفَعنا بِالْأياتِ وَالذِّكْرِ الْحَكيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّميعُ الْعَليمِ. وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسآئِرِ الْمُسْلِمينَ وَالْمُسْلِماتِ وَالْمُؤْمِنينَ وَالْمُؤْمِناتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرينَ وَيانَجاةَ التَّآئِبينَ.

# REALISASIKAN POTENSI, BINA KEYAKINAN DIRI



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil berangkat pada Bengkel dan Motivasi Pelajar Calon PSR 2021.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Seramai 162 pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) yang bakal menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini menghadiri Bengkel dan Motivasi Pelajar Calon PSR 2021.

Taklimat itu disampaikan oleh Pengarah BeManfaatMS, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi.

Antara yang berangkat pada taklimat tersebut, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Bengkel tersebut merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam menyampaikan maklumat-maklumat bermakna bagi para pelajar supaya mereka dapat mengimbangi pencapaian dalam bidang akademik dan juga aktiviti kokurikulum.

Semasa bengkel diadakan, pelajar-pelajar berpeluang untuk bertukar-tukar fikiran, idea dan berkongsi pengalaman bagi mencari jalan penyelesaian masalah yang dihadapi.

Dengan pendedahan aktiviti dalam bengkel yang diberikan, diharap setiap pelajar Tahun 6 akan dapat merealisasikan potensi diri dan membina keyakinan diri yang tinggi bagi menghadapi cabaran hidup dan peperiksaan PSR yang akan mereka hadapi.

Antara objektif bengkel berkenaan ialah bagi memberikan kesedaran kepada para pelajar mengenai kepentingan pendidikan dan seterusnya menanamkan sikap positif, meningkatkan keyakinan diri serta memberikan peluang kepada mereka untuk meneroka potensi diri masing-masing.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi membantu pelajar meneroka potensi diri dan menggunakannya dengan berkesan dalam menentukan matlamat hidup serta membantu pelajar meningkatkan semangat diri bagi mendapatkan kejayaan dengan adanya dorongan daripada ibu bapa, sekolah dan yang lain sekali gus memberikan kesedaran kepada pelajar akan kepentingan Peperiksaan PSR untuk masa depan pendidikan mereka.

Bengkel seumpama ini diharap akan dapat membantu pelajar-pelajar Tahun 6 mempelbagaikan kemahiran yang membantu perkembangan potensi diri mereka seperti kemahiran berkomunikasi dan semangat belajar yang tinggi.

Selain itu, semangat setia kawan, kerjasama dan toleransi semasa menjalankan tanggungjawab masing-masing akan dapat diterapkan. Sifat amanah, hormat menghormati dan berkasih sayang juga dapat dipupuk dengan berkesan. Dengan itu lahirlah pelajar-pelajar yang bertanggungjawab, berdisiplin dan bersifat mulia.

Dengan kerjasama dan komitmen semua pihak khususnya guru-guru Tahun 6, program seumpama ini dapat dijayakan dengan berkesan dan jayanya serta diharap dapat membantu mereka merealisasikan matlamat sekolah untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang.

**Berita dan Foto :**
**Saerah Haji Abdul Ghani**



PENGARAH BeManfaatMS, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi.

BRUNEI DARUSSALAM
2021

**M**ESYUARAT Perisikan Tentera ASEAN Ke-18 (AMIM Ke-18) telah diadakan melalui persidangan video dengan tema 'We Care, We Prepare, We Prosper'. AMIM Ke-18 dipengerusikan oleh Kolonel (U) Haji Muluddin bin Haji Latif, Pengarah Perisikan pada 16 Mac 2021 di Bandar Seri Begawan.

Dalam pertemuan itu, para Pengarah Perisikan Tentera ASEAN bertukar-tukar pendapat mengenai isu keselamatan di rantau ini. Mesyuarat itu juga membincangkan kertas kerja yang dicadangkan oleh Negara Brunei Darussalam mengenai mewujudkan Program Interaksi Perisikan Junior ASEAN (AJIIP). Program ini bertujuan untuk membina hubungan yang lebih erat dalam kalangan pengamal perisik tentera ASEAN yang junior dengan berkongsi analisis perisikan dan inisiatif lain yang sedang berjalan.

Mesyuarat diakhiri dengan upacara penyerahan antara Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kemboja sebagai Pengerusi AMIM Ke-19 berikutnya pada tahun 2022.

Sebelum AMIM Ke-18, satu siri pertemuan dua hala maya juga diadakan antara Pengarah Perisikan dan Pengarah Perisik Ketenteraan ASEAN yang lain. Mesyuarat Pegawai Kakitangan juga telah dijalankan pada 15 Mac 2021 sebelum AMIM.

# Pengundian, Pemilihan Calon Penghulu Mukim Ukong

**Oleh :**
**Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong**

**TUTONG**, Ahad, 11 April. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Ukong, diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Bukit, Mukim Ukong, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diketuai oleh Pemangku Imam Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan, Awang Gazali bin Mohd. Ariffin.

Majlis, kemudiannya diteruskan lagi dengan ucapan daripada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Md. Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin selaku Pengerusi Majlis dan ucapan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong.

Sebelum pengundian dimulakan, penduduk kampung di bawah Mukim Ukong yang hadir, juga berkesempatan untuk mendengar Taklimat Tatacara Pemilihan dan Pengundian Calon daripada Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatan Daerah Tutong, Awang Mohammad Shazry Walliuddin bin Shamsuddin.



UCAPAN daripada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Md. Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin selaku Pengerusi Majlis. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, berusia 57 tahun.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Ukong adalah sebagai kesinambungan daripada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Ukong yang diadakan pada Jumaat, 9 April 2021 lalu, di Dewan Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging Ukong, Kampung Ukong, Mukim Ukong, Daerah Tutong, khusus bagi penduduk Kampung Ukong.

Pengundian dan pemilihan pada hari tersebut adalah khusus bagi penduduk di Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan, termasuk penduduk Kampung Ukong yang tidak dapat hadir semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Ukong, pada Jumaat lalu.

Seramai 502 orang hadir mengundi calon bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Ukong daripada jumlah 780 orang yang berdaftar dan layak mengundi.

Daripada jumlah yang hadir mengundi tersebut, seramai 469 orang bersetuju, 26 orang tidak bersetuju dan tujuh undi rosak.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Pemangku Ketua-ketua Kampung di bawah Mukim Ukong, Daerah Tutong.

Keputusan pengundian akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.



SUASANA Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Ukong di Dewan Kemasyarakatan Kampung Bukit, Mukim Ukong.

# BERI KEFAHAMAN TATACARA SEMBAHYANG MENGGUNAKAN KERUSI

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan



YANG Berhormat Mufti Kerajaan (tiga, kiri) pada Majlis Perasmian Bengkel Sembahyang Menggunakan Kerusi (atas), sementara gambar bawah kanan, antara tunjuk ajar pada bengkel berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Tuntutan menunaikan sembahyang fardu lima waktu ke atas seorang Muslim yang mukalaf adalah wajib dalam apa jua keadaan dan kondisi.

Dalam konteks ini, Islam telah menunjukkan cara dan kaedah dalam melakukan ibadah sembahyang itu, termasuklah cara dan kaedah melakukan sembahyang dalam keadaan sakit, sibuk, musafir, berperang pada jalan Allah dan sebagainya.

Cara dan kaedah itu adalah satu kemudahan bagi umat Islam untuk melaksanakan juga menyempurnakan sembahyang itu dengan apa jua cara yang terdaya sesuai dengan situasi dan kondisi masing-masing.

Di akhir-akhir ini, penggunaan kerusi ketika menunaikan sembahyang di masjid-masjid dan surau-surau dilihat jelas semakin meningkat, terutamanya dalam kalangan warga emas, orang kurang upaya dan sebagainya disebabkan beberapa faktor, antaranya kerana tidak mampu melaksanakan rukun-rukun *fi'li* (perbuatan) tertentu, seperti sakit, tidak mampu berdiri betul (qiyam), sujud di lantai, duduk antara dua sujud juga duduk tahiyat awal dan akhir.

Sehubungan itu, Jabatan Mufti Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Fatwa, pada hari ini, mengambil inisiatif dengan mengadakan Bengkel Sembahyang Menggunakan Kerusi sebagai pengisian Program Memasyarakatkan Fatwa khasnya, untuk memberi panduan yang betul mengenai sesuatu perkara yang memerlukan bimbingan. Majlis perasmian bengkel diadakan di Ruang Legar, Bangunan DarulIfta', Jabatan Mufti Kerajaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Terlebih dahulu, dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Penolong Mufti (Buhuth), Dr. Haji Mazanan bin Haji Yusof selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Bengkel menyatakan, seramai 317 peserta dijemput untuk menyertai bengkel, terdiri daripada peserta lelaki dan perempuan, iaitu imam-imam, guru-guru dan penceramah-penceramah juga orang ramai yang bertujuan bagi memudahkan mereka menyampaikan maklumat mengenai Cara Sembahyang Menggunakan Kerusi kepada masyarakat awam.

Dengan penganjuran bengkel ini, katanya, kekeliruan dan kewahaman orang ramai tentang kepelbagaian Cara-cara Sembahyang Menggunakan Kerusi, sebagaimana yang tersebar luas di media masa dan media sosial, pastinya akan terjawab.

Bengkel diisi dengan perkara-perkara berkaitan rukun-rukun *fi'li* dalam sembahyang dengan difokuskan pada sembahyang orang sakit yang menggunakan kerusi secara teori dan praktikal.

Antara objektif bengkel sehari ini ialah untuk menerangkan kepada orang ramai situasi keuzuran yang membolehkan seseorang melakukan sembahyang menggunakan kerusi, selain memberi kefahaman dan gambaran jelas tentang cara-cara sembahyang menggunakan kerusi.

Majlis kemudian menyaksikan perasmian bengkel dan diselajurkan dengan pelancaran sebuah buku, bertajuk 'Sembahyang Menggunakan Kerusi : Cara-caranya', disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Pelancaran buku tersebut adalah sebagai salah satu inisiatif dan aktiviti keilmuan Jabatan Mufti Kerajaan dalam mempelbagaikan sumber rujukan berkenaan dengan kesempurnaan dalam tatacara melaksanakan ibadah, khasnya berhubung dengan menunaikan sembahyang menggunakan kerusi.

Buku tersebut cuba menghuraikan, tatacara dan kaedah yang betul mengenai sembahyang tersebut, mengikut keadaan-keadaan yang biasa dihadapi oleh orang yang sembahyang duduk menggunakan kerusi.

Buku ini juga dilengkapi dengan gambar-gambar bagi memudahkan pembaca mendapat gambaran yang lebih jelas tentang cara melaksanakannya, menurut pandangan Mazhab Syafi'i.

Buku setebal 71 muka surat ini dijual dengan harga BND6 senaskhah.

Adalah diharapkan buku ini akan dapat menjadi bahan rujukan dan panduan dalam melaksanakan ibadah, khususnya sembahyang menggunakan kerusi dan semoga penerbitan buku ini juga akan dapat menyumbang kepada kemaslahatan umat dan dapat meleraikan kekeliruan juga persoalan orang ramai berkenaan dengan pelbagai cara sembahyang menggunakan kerusi, khususnya yang tular dan tersebar luas di media massa.



# Kesungguhan laksana ibadat eratkan hubungan dengan Allah

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

- **DAPAT menjadi ilmu kepada para peserta dan dengan ilmu tersebut, peserta bengkel mampu menyampaikan pula kepada kaum keluarga, sahabat, jiran dan masyarakat umumnya agar semua orang dapat melakukan Sembahyang Menggunakan Kerusi dengan lebih teratur sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.**
- **DENGAN adanya ilmu yang betul ini, akan menambah semangat semua orang untuk terus gigih melakukan sembahyang dan kita pun sedia mengetahui bahawa sembahyang itu adalah tiang agama, yang perlu kita kukuhkan dengan mendirikannya.**
- **MENERANGKAN kepada orang ramai situasi keuzuran yang membolehkan seseorang itu melakukan sembahyang menggunakan kerusi, selain untuk memberi kefahaman dan gambaran jelas tentang Cara-cara Sembahyang Menggunakan Kerusi.**



TIMBALAN Mufti Kerajaan semasa berucap pada Majlis Penutup Bengkel Sembahyang Menggunakan Kerusi anjuran Jabatan Mufti Kerajaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Seramai 317 peserta Bengkel Sembahyang Menggunakan Kerusi anjuran Jabatan Mufti Kerajaan menerima Sijil Penyertaan pada Majlis Penutup bengkel berkenaan, yang berlangsung di Ruang Legar Bangunan Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan Penyampaian Sijil pada majlis berkenaan, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Timbalan Mufti Kerajaan semasa menyampaikan ucapan penutupnya selaku Penasihat Jawatankuasa Kerja Bengkel, berharap segala tunjuk ajar yang diberikan sepanjang bengkel berkenaan akan dapat menjadi ilmu kepada para peserta dan dengan ilmu tersebut, peserta bengkel mampu menyampaikan pula kepada kaum keluarga, sahabat, jiran dan masyarakat umumnya agar semua orang dapat melakukan Sembahyang Menggunakan Kerusi dengan lebih teratur sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

"Kita berharap dengan adanya ilmu yang betul ini, akan menambah semangat semua orang untuk terus gigih melakukan sembahyang dan kita pun sedia mengetahui bahawa sembahyang itu adalah tiang agama, yang perlu kita kukuhkan dengan mendirikannya.

"Kesungguhan kita dalam melaksanakan ibadat-ibadat yang difardukan ini akan lebih mengeratkan hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan bukanlah ibadat itu untuk menjadi beban kepada kita untuk melaksanakannya," jelasnya.



TIMBALAN Mufti Kerajaan semasa menyempurnakan Penyampaian Sijil Penyertaan kepada peserta Bengkel Sembahyang Menggunakan Kerusi anjuran Jabatan Mufti Kerajaan.

Terdahulu, Timbalan Mufti Kerajaan turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua peserta kerana berjaya menamatkan sesi bengkel sehari tersebut.

Peserta bengkel dipilih daripada imam-imam, guru-guru dan penceramah-penceramah, antara lain bertujuan untuk memudahkan mereka menyampaikan maklumat mengenai Cara Sembahyang Menggunakan Kerusi kepada masyarakat awam.

Antara objektif bengkel selama sehari ini untuk menerangkan kepada orang ramai situasi keuzuran yang membolehkan seseorang itu melakukan sembahyang menggunakan kerusi, selain untuk memberi kefahaman dan gambaran jelas tentang Cara-cara Sembahyang Menggunakan Kerusi.

# TERIMA ANUGERAH BERPRESTIJ

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 April. - Mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (B) Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud hari ini dikurniakan anugerah berprestij dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, baru-baru ini.



Mejar Jeneral (B) Pengiran Dato Paduka Seri Aminan dianugerahkan The Knight Grand Cross (First Class) of the Most Noble Order of the Crown of Thailand.

Majlis penganugerahan yang berlangsung di Kedutaan Besar Diraja Thailand, Kampung Kiarong itu telah disaksikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul.

Pengiktirafan berprestij ini diperoleh dengan pencapaian yang luar biasa serta sumbangan yang telus yang beliau telah hulurkan ke arah hubungan yang erat di antara ABDB dan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand.



**MEJAR Jeneral (B) Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dikurniakan anugerah berprestij daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, baru-baru ini, iaitu The Knight Grand Cross (First Class) of the Most Noble Order of the Crown of Thailand dan disaksikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul (atas sekali dan atas).**

## Waktu perkhidmatan Jabatan Buruh sepanjang Ramadan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 April. - Jabatan Buruh sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu perkhidmatan Ibu Pejabat Jabatan Buruh dan Cawangan Jabatan Buruh, di setiap daerah, sepanjang bulan Ramadan, bagi tahun ini ialah Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula 8.15 pagi hingga 1.30 petang.

Manakala waktu perkhidmatan bagi pembayaran wang taruhan (tunai) ialah Isnin hingga Khamis, bermula 8.15 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sebarang pertanyaan dan aduan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghubungi menerusi talian Jabatan Buruh atau melalui e-mel ke *info.buruh@buruh.gov.bn*.

Nombor-nombor talian telefon untuk dihubungi adalah seperti di dalam jadual.

| | BAHAGIAN | NO.TALIAN DIHUBUNGI |
|---|---|---|
| 1. | Bahagian Kewangan | 2383 006 ext 2301/2302/2300 |
| 2. | Bahagian Lesen Pekerja Asing | 2383 006 ext 3211/3200 |
| 3. | Bahagian Lesen Perkhidmatan Domestik | 2383 006 ext 3107 |
| 4. | Bahagian Agensi Pekerjaan | 2383 006 ext 1074/2102 |
| 5. | Bahagian Pampasan | 2383 006 ext 2203/2205 |
| 6. | Bahagian Kajian dan Perangkaan (Banci) | 2383 006 ext 4503/4504 |
| 7. | Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang | |
| | a) Hotline Aduan Pertikaian Kerja | 238 1848 / 729 8989 |
| | b) Unit Pemeriksaan (Pengesahan Alamat) | 2383 006 ext 4214 |
| 8. | Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait | 333 1549 |
| 9. | Jabatan Buruh Cawangan Daerah Tutong | 422 1408 |
| 10. | Jabatan Buruh Cawangan Daerah Temburong | 522 1256 |
| Bagi sebarang **Pertanyaan Am** bolehlah menghubungi ke Talian **2383 006 / 2380 256** | | |






Analisis

# Komited bekerjasama menangani cabaran

Oleh :
Mohammad Rainie Haji Durani

**NEGARA** Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia baru-baru ini bersetuju untuk mengukuhkan komitmen dalam menangani cabaran-cabaran COVID-19 yang sama ke arah membaik pulih dan memelihara kestabilan sosioekonomi kedua-dua negara serta rakyat masing-masing.

Perkara ini termasuk pengurusan vaksinasi secara timbal balik bagi rakyat kedua-dua buah negara; bersetuju secara prinsip untuk menubuhkan Laluan Hijau Timbal Balik (Reciprocal Green Lane - RGL) untuk memudah cara pergerakan bagi urusan perniagaan mustahak dan urusan rasmi antara kedua-dua buah negara; dan membawa pulang rakyat masing-masing yang terkandas di kedua-dua buah negara dan negara-negara lain.

"Brunei dan Malaysia, sebagaimana juga negara-negara lain, masih saja di tahap berhati-hati dan berjaga-jaga menghadapi gelombang wabak yang mencemaskan ini," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Santap Rasmi sempena Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia dan Perundingan Tahunan Ketua-Ketua Kerajaan Kali Ke-23, yang berlangsung di Istana Nurul Iman baru-baru ini

Di samping mematuhi SOP biasa sebagai protokol pencegahan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bawah NBD dan Malaysia juga dilihat sebagai tidak mengabaikan 'Vaksin Ketuhanan', iaitu berzikir dan berdoa kepada Allah untuk mendapatkan kebebasan segera daripada ancaman wabak ini.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, inilah kelebihan atau uniknya negara dan rakyat kita dalam menghadapi dan menangani musibah yang menggerunkan tersebut.

Semasa berhadapan dengan wabak koronavirus tersebut, kedua-dua buah negara saling bekerjasama dan membantu satu sama lain terutamanya apabila Kerajaan Malaysia membenarkan rakyat Brunei untuk membuat persinggahan melalui Malaysia dan juga memberikan bantuan membawa balik rakyat dan penduduk NBD yang terkandas di luar negara begitu juga NBD turut sama memberikan bantuan kepada Malaysia dengan membawa pulang rakyatnya yang terkandas di luar negara.

Dalam hal ini, ia sudah setentunya memperlihatkan hubungan akrab dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara yang sudah terjalin sejak 37 tahun lalu. Hubungan dua hala ini merangkumi bidang perdagangan, pertahanan, pendidikan, pelancongan, sukan dan sebagainya.

Di samping itu, hubungan diplomatik kedua-dua negara juga didasari dengan latar belakang sebagai sebuah rumpun Melayu dan juga agama Islam yang turut banyak memberikan manfaat kepada kedua-dua buah negara. Semoga kerjasama yang dijalin antara kedua-dua buah negara ini akan memberikan manfaat kepada semua sektor yang berkaitan serta memberikan kemajuan kepada kedua-dua negara.

# AWANG HAJI KAHAN JUARA PERADUAN TAHUNAN PFNBD

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) (tengah) semasa menyampaikan hadiah kepada Awang Haji Kahan bin Haji Nasir juara Peraduan Tahunan, Best Photographer of the Year.**

**TUTONG,** Sabtu, 10 April. - Awang Haji Kahan bin Haji Nasir diumumkan sebagai juara Peraduan Tahunan Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD) sekali gus menyandang gelaran Best Photographer of the Year 2020.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong pada Majlis Malam Gala PFNBD yang berlangsung di Ballroom, Lanes Hotel, di sini.

Yang Di-Pertua PFNBD, Awang Hamidun bin Haji Mohd. Noor dalam ucapannya menjelaskan, majlis berkenaan adalah bagi menghargai ahli-ahli pertubuhan di atas komitmen dan sokongan dalam apa jua aktiviti yang dikendalikan.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian Anugerah Pertubuhan Honorary Associate Brunei Photographic Society kepada Awang Rosmali bin Haji Samail; Anugerah Diploma Pertubuhan Diploma of Brunei Photographic Society kepada Awang Murni bin Awang Haji Mahali yang seterusnya menerima hadiah penghargaan atas sumbangan idea bagi menghasilkan logo Jubli Emas 50 Tahun PFNBD; dan penyampaian cenderahati penghargaan kepada penyumbang hadiah utama BPOTY 2020 kepada Mr. Joseph Wong Siew Hang.

Dalam pada itu, PFNBD ditubuhkan pada tahun 1968 bersempena perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pertubuhan ini telah banyak melaksanakan aktiviti dan projek bagi ahli-ahli pertubuhan antaranya aktiviti tahunan antaranya penggambaran luar (outing) dan 'sharing' (kongsi sama) dan lain-lain aktiviti termasuklah Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri.



**YANG Berhormat Ahli MMN semasa menyaksikan pameran pada majlis tersebut.**

# PGGMB : Pupuk kepentingan negara bukan sendiri

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**SUNGAI AKAR**, Ahad, 11 April. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) perlu memupuk suatu peranan yang menjangkau kepentingan negara dan bukan kepentingan sendiri, sepertimana yang telah dijejak oleh guru-guru pimpinan terdahulu, yang tidak memandang pada kepentingan dalaman.

Bahkan, peranan yang menjangkau kepentingan negara adalah sebuah kegunaan yang amat ketara, yang perlu untuk membentuk dan menyara mengikut *relevance*.

Perkara ini, antara yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar selaku tetamu kehormat semasa merasmikan Pembukaan Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-71, 2020 - 2021, di Dewan Sekolah PGGMB, di sini.

Menurutnya, PGGMB sudah mencapai 82 tahun sejak penubuhannya. Ini adalah satu mercu tanda atau *landmark* yang patut menarik perhatian kita bersama pada pentingnya untuk memahami dan menyedari, bahawa setiap organisasi itu ditubuhkan hanya untuk keperluan waktunya ataupun hasil sekitar sosiopolitik sezaman dan dipacu oleh pemimpin-pemimpin dari zaman tersebut.

Bukan itu sahaja, PGGMB tambahnya, tertubuh untuk menyatukan Guru-guru Melayu Brunei sebagai sebuah pergerakan untuk memajukan dan memperkembangkan negara kita, terutamanya dalam arena pendidikan.

"Dengan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala dan melalui berkat usaha guru-guru kita yang terdahulu, Negara Brunei Darussalam (NBD), kini sudah mengeluarkan para cendekiawan yang sungguh ramai.

"Alhamdulillah, kita, bukan sahaja sudah menubuhkan sekolah-sekolah dan sistem pelajaran yang bermutu antarabangsa, malah kita sudah mempunyai universiti-universiti yang bertaraf dunia," ujar Yang Berhormat lagi.

Maka, apa yang diidam-idamkan dan diangan-angankan oleh pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli PGGMB 82 tahun dahulu, jelasnya, sudah tercapai.

Dalam hal ini, Yang Berhormat yakin, perhimpunan para pendidik dan cendekiawan itu akan dapat membincangkan persoalan yang amat penting, di samping PGGMB menjana masa depan yang cemerlang.

Lebih 350 orang, terdiri daripada jemputan-jemputan khas, guru-guru, murid-murid dan ibu bapa Murid PGGMB menghadiri majlis berkenaan.

Acara dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa, dipimpin oleh Pengarah Bahagian Agama PGGMB, Awang Haji Rusli bin Haji Mohd. Saleh.

Yang Di-Pertua PGGMB, Haji Awang Yussof bin Haji Awang Mohamad selaku Pengerusi Majlis berkata, mesyuarat perwakilan yang diadakan setiap tahun ini, merupakan satu perjumpaan yang amat penting kerana ia bukan sahaja memberi peluang kepada ahli-ahli untuk merapatkan persaudaraan, malah juga menyediakan satu platform untuk berbincang, bertukar pandangan, di samping mendapat maklumat terkini mengenai kedudukan semasa PGGMB.



**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar menyampaikan sijil kepada pelajar cemerlang.**

Beliau berharap, para perwakilan dapat menggunakan mesyuarat tersebut untuk memberi pandangan atau kritikan yang membina kepada pucuk pimpinan, agar sama-sama dapat merangka pelan tindakan yang seiring dengan aspirasi seluruh Warga PGGMB.

Mesyuarat berkenaan disertai seramai 92 ahli-ahli perwakilan yang dipilih daripada enam zon atau kawasan dari setiap daerah. Setiap zon diwakili oleh 15 peserta perwakilan.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap PGGMB, Awang Haji Jamal bin Haji Kahar, di mana mesyuarat, antara lain meneliti dan membincangkan mengenai laporan tahunan kewangan, selain para ahli perwakilan diberi hak dan peluang untuk bertanya dan menyuarakan pandangan dalam sesi soal jawab yang juga diakhiri dengan pengesahan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-71 2020 - 2021.

Pada mesyuarat ini, diselajurkan dengan Penyampaian Sijil-sijil Cemerlang bagi Murid-murid Sekolah-sekolah PGGMB yang memperoleh 5 'A' dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2020, disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Seramai 34 Murid PGGMB memperoleh 5 'A'. Mereka ini terdiri daripada para Murid Sekolah PGGMB Sungai Akar, yang mendapat keputusan cemerlang 100 peratus lulus dengan 13 orang beroleh 5 'A', manakala Sekolah Tunas Jaya PGGMB Cawangan Lambak mendapat 89 peratus lulus dengan enam orang mendapat 5'A'; Sekolah Tunas Jaya PGGMB Cawangan Madang 84 peratus lulus dengan 10 orang mendapat 5 'A'; Sekolah Tunas Jaya PGGMB Cawangan Kuala Belait 85 peratus lulus dengan lima orang mendapat 5 'A'.

PGGMB ditubuhkan dalam tahun 1939 sebagai sebuah persekutuan kebajikan dan profesional. Jumlah keahlian yang berdaftar pada masa ini ialah lebih kurang 2,900 orang.



**ANTARA yang hadir pada Pembukaan Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-71, 2020 - 2021 dan Penyampaian Sijil-sijil Cemerlang bagi Murid-murid Sekolah-sekolah PGGMB yang memperoleh 5 'A' dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2020.**

# SENTIASA SIAGA TERHADAP CABARAN

Berita dan Foto : Aimi Sani

■ **SELAKU instrumen kerajaan adalah menjadi tanggungjawab penting bagi setiap kementerian, jabatan dan agensi kerajaan untuk melaksanakan inovasi atau usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan secara berterusan bagi menggambarkan Perkhidmatan Awam yang efisien, efektif, responsif, produktif, kreatif, inovatif, berprestasi tinggi dan sentiasa berusaha bagi mencapai kecemerlangan.**

■ **PERKHIDMATAN Awam mesti mendepani perkembangan yang bergerak pantas ini dengan mengambil langkah pemodenan Perkhidmatan Awam yang bersifat *transformative* dan inovatif serta memastikan warga dan organisasi Perkhidmatan Awam itu sentiasa siaga terhadap cabaran dan peluang masa hadapan.**



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media) Jabatan Perdana Menteri semasa berucap pada Jerayawara Anugerah Inovasi Perdana.**

**BERIBI**, Sabtu, 10 April. - Perkhidmatan Awam memainkan peranan yang sangat penting dalam merancang, melaksana, memastikan pembangunan dan kesejahteraan rakyat serta negara sentiasa terjamin.

Dengan itu, selaku instrumen kerajaan adalah menjadi tanggungjawab penting bagi setiap kementerian, jabatan dan agensi kerajaan untuk melaksanakan inovasi atau usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan secara berterusan bagi menggambarkan Perkhidmatan Awam yang efisien, efektif, responsif, produktif, kreatif, inovatif, berprestasi tinggi dan sentiasa berusaha bagi mencapai kecemerlangan.

Berucap pada Jerayawara Anugerah Inovasi Perdana (AIP), Timbalan Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu seterusnya berkata, landskap Perkhidmatan Awam adalah sentiasa berubah sama ada disebabkan oleh faktor ekspektasi sosial dan masyarakat sendiri, faktor kepantasan teknologi yang berfokuskan Industrial Revolution 4.0, faktor pendidikan, kompleksiti persekitaran, tuntutan ekonomi bahkan pengaruh dunia tanpa sempadan yang sentiasa mempengaruhi ekspektasi warga orang ramai selaku penerima perkhidmatan adalah semakin meningkat.

Dengan itu, tegas beliau, kita di dalam Perkhidmatan Awam mesti mendepani perkembangan yang bergerak pantas ini dengan mengambil langkah pemodenan Perkhidmatan Awam yang bersifat *transformative* dan inovatif serta memastikan warga dan organisasi Perkhidmatan Awam itu sentiasa siaga terhadap cabaran dan peluang masa hadapan.

"Dalam perubahan landskap Perkhidmatan Awam ini memberi peluang kepada warga Perkhidmatan Awam dari peringkat dasar hingga ke peringkat pelaksana untuk menjadi warga yang inovatif. Peluang-peluang terbuka luas untuk memperbaiki sistem-sistem kerja, proses-proses kerja hinggalah kepada peraturan-peraturan operasi kerja," ujar beliau lagi.

JPM terangnya, selaku *lead ministry* dalam hal ehwal tadbir urus Perkhidmatan Awam amat menyambut baik inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) ini yang memang sudah tepat pada masanya yang antaranya bertujuan untuk mengongsikan sama dan memperjelaskan lagi maklumat-maklumat terkini mengenai AIP bagi keperluan penyeragaman kepada para peserta AIP. Seterusnya jerayawara ini merupakan saluran komunikasi yang teratur serta landasan bagi para peserta dapat berinteraksi dengan sekretariat AIP.

Dengan itu, pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun 2018, serta ke arah memperkukuhkan dan memaknakan lagi kepentingan AIP dalam Perkhidmatan Awam maka pada tahun 2021 ini pelaksanaan AIP dimulakan dengan mengadakan sesi taklimat.

Sesi taklimat ini adalah sebagai salah satu mekanisme pembarigaan bertujuan untuk memberikan penerangan dan kefahaman mengenai garis panduan AIP dan sebagai persediaan bagi Kementerian dan Jabatan yang berhasrat menyertai AIP pada tahun ini.

Jerayawara ini jelasnya, diharap akan dapat meningkatkan lebih kefahaman mengenai AIP dan penyertaannya selain memberikan panduan bagi penyediaan kertas projek yang diharapkan akan lebih berkualiti dan bermutu tinggi serta memenuhi matlamat AIP.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan motivasi pegawai / kakitangan kerajaan dalam memajukan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan di sektor awam di negara ini.

Awang Haji Muhammad Suffian seterusnya menjelaskan bahawa AIP ini secara dasarnya bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada jabatan, agensi mahupun kumpulan penjawat awam atas penghasilan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar. Anugerah Inovasi Perdana sebagai *indicator* dan penanda aras Perkhidmatan Awam sepakat mendukung sepenuhnya hasrat Kerajaan untuk mentransformasikan dan menginovasikan perkhidmatan awam dan negara ini menjadi sebuah negara yang maju ke hadapan yang berpaksikan kreativiti dan inovasi.

"Jika pada tahun 2019, pemilihan penerima AIP dibuat berdasarkan pendekatan *agency-centric* yang memberi penilaian ke atas keupayaan sesebuah agensi untuk menghasilkan inovasi. Kemungkinan pada tahun ini pihak Sekretariat memikirkan untuk mengguna pakai pendekatan *innovation-centric* yang memberi tumpuan kepada inisiatif inovasi itu sendiri yang mungkin melibatkan lebih dari satu agensi, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyemarakkan pendekatan Whole of Government Approach. Dan tidak mustahil jika melibatkan sektor swasta akan mencakupi pendekatan Whole of Nation, insyaAllah," tambahnya lagi.

Penampilan AIP Menteri ujar beliau, adalah tanda komitmen agensi sektor awam untuk berganjak dari pemikiran dan takuk lama ke arah membentuk budaya baharu yang mengutamakan inovasi dan penciptaan.

# Laksanakan inovasi dalam menjalankan tugas

**BERIBI**, Sabtu, 10 April. - Sebagai salah satu inisiatif untuk menggalakkan inovasi dalam urus tadbir baik (*good governance*) dalam Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), Jabatan Perdana Menteri (JPM) menganjurkan Jerayawara Anugerah Inovasi Perdana (AIP) yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 10 April dan 12 April 2021 bertempat di Dewan Auditorium, JobCentre Brunei, Jalan Perindustrian Beribi, di sini.

Jerayawara antara lain bertujuan untuk membarigakan dan menarik penyertaan warga Perkhidmatan Awam sama ada secara perseorangan atau berkumpulan daripada setiap kementerian atau jabatan untuk menyertai AIP.

Pada tahun ini, AIP menumpukan kepada penyertaan kertas projek iaitu projek yang telah dilaksanakan dan telah menampakkan hasil dan impak yang besar ataupun positif bukan sahaja ke atas Perkhidmatan Awam malah kepada pihak berkepentingan khususnya orang ramai.

Penyertaan AIP menumpukan kepada beberapa bidang tertentu seperti meningkatkan penyampaian Perkhidmatan Awam melalui aplikasi teknologi info-komunikasi dan kaedah-kaedah tertentu; inovasi dalam Perkhidmatan Awam; meningkatkan integriti, ketelusan akauntabiliti dan tindak balas dalam Perkhidmatan Awam dan penambahbaikan kualiti proses dalam Perkhidmatan Awam yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan Ease Of Doing Business (EODB).

Sementara matlamat AIP pula adalah bagi mengumpulkan dan menyebarluaskan amalan terbaik atau kaedah yang berjaya dan berkesan yang boleh dijadikan sebagai contoh kepada agensi-agensi sektor awam yang lain, di samping meningkatkan lagi motivasi dan galakan kepada penjawat awam untuk lebih giat melaksanakan inovasi di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi taklimat mengenai AIP tahun 2021 yang disampaikan oleh Pegawai MSD.

Untuk maklumat lanjut berkaitan AIP 2021, orang awam boleh dapati atau dimuat turun melalui Laman Sesawang MSD, iaitu *http://www.msd.gov.bn* dan bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenainya bolehlah menghubungi MSD melalui talian +673 2382064 / 5 / 6 atau melalui e-mel : *aip.msd@msd.gov.bn*.



**ANTARA yang hadir pada jerayawara tersebut.**




# Majukan pentadbiran belia, beliawanis masjid



SESI Muzakarah Pengarah Hal Ehwal Masjid Bersama Ketua Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid bersama Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (dua, kiri).

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Dalam memeduli pentadbiran dan pengurusan Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid di seluruh negara juga membantu mereka dalam memenuhi kehendak dan keinginan mereka agar hasrat visi juga misi Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) tercapai, satu sesi Muzakarah Pengarah Hal Ehwal Masjid Bersama Ketua Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid, di seluruh negara diadakan.

Sesi Muzakarah tersebut diadakan di Dewan Serbaguna Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Hadir pada muzakarah tersebut, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Antara tujuan muzakarah diadakan adalah untuk mencapai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan belia-belia di negara ini sebagai belia berwawasan, terutama para belia dan beliawanis masjid, di samping mengeratkan tali silaturahim di antara pihak jabatan bersama kumpulan belia dan beliawanis masjid.

Acara juga bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran bagi memajukan kumpulan belia dan beliawanis masjid juga menyelesaikan isu-isu atau masalah yang berkaitan dengan belia dan beliawanis masjid.

Semoga dengan adanya muzakarah seumpama ini, akan dapat memberikan pandangan yang baik lagi berkesan dalam memajukan pentadbiran kumpulan belia dan beliawanis masjid bagi mengimarahkan lagi masjid, sekali gus membantu Pegawai Masjid dalam mencapai visi dan misi jabatan.

Semoga dengan adanya usaha sedemikian, para belia dan beliawanis masjid khasnya akan bangkit dan bergerak bersama untuk melaksanakan tugas agar mencapai kecemerlangan.



ANTARA yang hadir pada Sesi Muzakarah tersebut.

# ERAT SILATURAHIM, BERAMAH MESRA

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**JERUDONG**, Sabtu, 10 April. - Sempena mengambil keberkatan pada bulan Syaaban, Ahli-ahli Batteri Pertahanan Udara yang telah bersara juga tidak ketinggalan untuk mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah bagi ahli-ahli mereka yang sudah kembali ke rahmatullah yang berlangsung di Sulap Kupi Uja Nini, di sini.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohammad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Haji Makmun Halimi Zain.

Majlis seumpama ini merupakan inisiatif dan aktiviti tahunan bagi mengumpul kembali, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dan beramah mesra sesama ahli.

Selain itu, para ahli juga sentiasa merancang untuk mengadakan perkumpulan atau aktiviti-aktiviti menerusi aplikasi WhatsApp.



AHLI-ahli Batteri Pertahanan Udara yang telah bersara semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah bagi ahli-ahli yang sudah kembali ke rahmatullah, berlangsung di Sulap Kupi Uja Nini.

## DARI MAHKAMAH

# Menjual barang curi, dijatuhkan hukuman penjara

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 April. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman penjara 56 hari oleh Mahkamah Perantaraan kerana kesalahan menjual barang harta curi.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Dayangku Hajah Norismayanti binti Pengiran Haji Ismail setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukannya serta mengambil kira kepentingan awam.

Abu Hassan bin Awang Anak, 32 tahun, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim.

Bagaimanapun, tertuduh diperintah menjalani hukuman itu bermula dari tarikh direman iaitu pada 8 Mac 2021.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah melakukan kesalahan menolong seorang rakan untuk menjual beberapa barang curi iaitu satu Monitor Hp, satu Hp Keyboard, satu Hp Mouse dan satu Hp Cable yang kesemuanya bernilai BND55 kepunyaan Sekolah Menengah Lambak Kiri.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat membantu rakannya yang juga tertuduh (D1) untuk mencari pembeli dan pada 22 Ogos 2020 tertuduh menawarkan melalui WhatsApp dan pembeli telah bersetuju untuk membeli barang curi tersebut.

Pendakwaan dilakukan Ahmad Firdaus bin Haji Mohammad, manakala tertuduh diwakili Peguam Bela, DC Sheikh Noordin.



# TANAM SIFAT CINTAKAN KEBERSIHAN



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim semasa bergambar ramai pada Kempen Amal Gotong-royong tersebut.

Berita dan Foto :
Saerah Haji Abdul Ghani

**KAPOK,** Ahad, 11 April. - Menjaga kebersihan masjid merupakan tanggungjawab semua agar kesucian tempat ibadah ini sentiasa terpelihara, sama ada di dalam atau luar masjid.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung Kapok, Takmir Masjid Kampung Kapok dengan kerjasama Ahli-ahli Vellfire Alphard Brunei mengadakan Kempen Amal Gotong-royong bagi Membersihkan Masjid dan kawasan sekitarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyertai kempen tersebut, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Kempen Amal Gotong-royong Membersihkan Masjid ini adalah sebagai salah satu program kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial, yang diungkayahkan dalam sama-sama menjaga kebersihan dan kesucian rumah Allah sebagai tempat ibadat yang bersih juga selesa.

Ia bertujuan bagi sama-sama mengimarahkan masjid, sekali gus melaksanakan aktiviti berkebajikan, lebih-lebih lagi sebagai persediaan menyambut bulan Ramadan yang akan menjelang tiba.

Dengan adanya aktiviti amal ini, akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan mempertingkatkan lagi kesedaran juga menanamkan dalam diri sendiri dengan sifat-sifat cintakan kecantikan, keindahan dan kebersihan persekitaran.



ANTARA yang menyertai Kempen Amal Gotong-royong, yang diadakan oleh Majlis Perundingan Kampung Kapok, Takmir Masjid Kampung Kapok dengan kerjasama Ahli-ahli Vellfire Alphard Brunei bagi Membersihkan Masjid dan kawasan sekitarnya.

# Bentuk masyarakat sejahtera, harmoni

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 April. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia dengan kerjasama penduduk Kampung Setia 'A' dan 'B' juga Kampung Tarap Bau mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah, hari ini, di sini.

Majlis ini diadakan untuk mengingati penduduk kampung atau ahli keluarga yang telah meninggal dunia dan sebagai salah satu cara untuk mendoakan kesejahteraan mereka di alam sana.

Dengan keadaan penularan pandemik COVID-19 sekarang terkawal, dapatlah kita mengadakan majlis keraian namun dalam bilangan yang terhad.

Acara Tahlil diadakan selepas menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Shaminan bin Haji Sulaiman.

Majlis itu merupakan acara tahunan yang dianjurkan secara berkolaborasi demi memupuk ukhuwah silaturahim semua penduduk serta mewujudkan satu perpaduan dalam membentuk masyarakat sejahtera dan harmoni.

Pihak masjid berkenaan juga tidak ketinggalan untuk menekankan kepada jemaah untuk sama-sama mematuhi garis panduan atau SOP yang ditetapkan oleh pihak berwajib demi membendung penularan wabak COVID-19.





**ANTARA yang hadir pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah, yang diadakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia dengan kerjasama penduduk Kampung Setia 'A' dan 'B' juga Kampung Tarap Bau (atas kiri dan kiri).**

# Penambahbaikan perniagaan tempatan melalui projek pendidikan, latihan



**PENGERUSI LiveWIRE Brunei dan Pengurus Nilai Dalam Negara BSP Company Sdn. Bhd., Dayang Hajah Rosita binti Haji Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Progresif Sdn. Bhd., Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar semasa bertukar-tukar Memorandum Persefahaman (MoU).**

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 April. - Shell LiveWIRE Brunei dan Progresif Sdn. Bhd. menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), bertempat di Ibu Pejabat Progresif Sdn. Bhd.

MoU di antara kedua-dua syarikat tersebut, bertujuan untuk menggariskan komitmen kedua-dua pihak terhadap pembangunan ekosistem permulaan, yang memfokuskan pada talian permulaan tempatan; juga pemilihan calon permulaan, berkaitan dengan pasaran digital Progresif, dalam teknologi pendidikan dan permintaan logistik.

Perjanjian MoU ditandatangani oleh Pengerusi LiveWIRE Brunei dan Pengurus Nilai Dalam Negara BSP Company Sdn. Bhd., Dayang Hajah Rosita binti Haji Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Progresif Sdn. Bhd., Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Hadir bagi menyaksikan majlis penandatanganan tersebut, Pengarah Program LiveWIRE Brunei, Awang Haji Abdul Yusrin bin DSLJ Haji Salleh dan Ketua Pegawai Strategi Korporat (CSO) Progresif Sdn. Bhd., Awang Johan bin Dato Dr. Haji Johar.

Kerjasama baharu ini akan menghasilkan kerjasama yang lebih erat di antara kedua-dua organisasi dengan visi yang sama, iaitu meningkatkan promosi dan penambahbaikan perniagaan tempatan dalam ekosistem permulaan, melalui projek pendidikan dan peluang latihan, di samping memberi peluang dalam pemasaran dan promosi melalui aktiviti kerjasama.

Selain itu, perkongsian tersebut akan meningkatkan pembangunan masyarakat dalam bidang keusahawanan selaras dengan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Progresif Sdn. Bhd.

Hampir setahun yang lalu, perjalanan ini dimulakan dengan kerjasama di antara Shell LiveWIRE Brunei dan Progresif Sdn. Bhd. bersama Brand & CSR dalam mengenali pendidikan, persekitaran dan keusahawanan dengan menyokong AgroBIZ.

Bermula pada tahun 2002, Shell LiveWIRE Brunei satu program utama Pelaburan Sosial BSP, membantu lebih daripada 3,000 Rakyat Brunei melalui pelbagai programnya, seperti Bright Ideas, Visioning Workshop, Become A Successful Owner Manager dan Leadership Camp.

# TERAPKAN BUDAYA MENABUNG KEPADA PELAJAR SMALHB





TAKLIMAT Smart Money Habits disampaikan oleh Pegawai Autoriti Monetari Brunei Darussalam AMBD, Awangku Muhammad Fadhli bin Pengiran Sulaiman (atas), sementara gambar kiri, aktiviti mencipta tabung yang diadakan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 April. - Program Celik Kewangan Cabaran 6 Bulan Iddikhaar (Menabung) adalah salah satu program usaha Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), Jabatan Pengajian Islam (JPI) anjuran Bahagian Pentadbiran 1 dan 2 SMALHB.

Program ini adalah julung kalinya diadakan yang melibatkan Pelajar PRA U 1 seramai 423 orang.

Program bertempat di Dewan Al-Azkiya SMALHB, bermula 9.00 pagi.

Hadir selaku tetamu khas majlis Pemangku Pengetua SMALHB, Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Md. Tahir.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Muhd. Faizal Lutfi bin Abdul Wahid.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengetua, diikuti pula dengan pelancaran Cabaran 6 bulan Iddikhaar (Menabung) dan penyerahan Jurnal kepada Mentor.

Manakala Taklimat Smart Money Habits disampaikan oleh Pegawai Autoriti Monetari Brunei Darussalam AMBD, Awangku Muhammad Fadhli bin Pengiran Sulaiman, seterusnya aktiviti mencipta tabung.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memberikan pendidikan pengurusan kewangan juga meningkatkan tahap celik kewangan; membarigakan kepentingan dan menerapkan budaya menabung; juga menanamkan nilai-nilai murni, seperti sikap berjimat cermat, berdisiplin dan mengelakkan pembaziran dalam kalangan pelajar.

# Amalan berjimat cermat lahirkan masyarakat bijak, progresif





ACARA program dimulakan dengan membaca Sayyidul Istighfar dan membaca Surah Al-Fatihah; Tazkirah - Budayakan Amalan Berjimat Cermat; membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah; juga Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (atas, bawah dan bawah kanan).

SUASANA Program Keagamaan Senegara bagi bulan April, bertemakan 'Budayakan Amalan Berjimat Cermat'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 April. - Amalan berjimat cermat amat digalakkan dalam kehidupan, seperti dalam peribahasa Melayu yang mengatakan : 'Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis', amatlah tepat diamalkan dalam kehidupan kita seharian.

Amalan berjimat cermat sudah pasti akan melahirkan masyarakat yang bijak dan progresif. Tema program keagamaan senegara bagi bulan April ini, 'Budayakan Amalan Berjimat Cermat'.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 67, tafsirnya, *''Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana di antara kedua-duanya''.*

Kita diingatkan supaya tidak boros dalam berbelanja kerana sifat boros adalah bertentangan dengan prinsip kesederhanaan yang menjadi sifat utama hamba Allah yang dituntut dalam Islam. Larangan mengenai pembaziran telah jelas dalam Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-Israa', ayat 26 - 27, *''Dan berikanlah kaum kerabat baiknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin dan orang musafir (yang terputus perbelanjaannya, iaitu zakat dan sedekah) juga janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). (26). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan-Nya. (27)''.*

Kita, hendaklah memahami dan mengamalkan sikap berjimat cermat juga menjauhkan sikap meminta-meminta dalam kehidupan. Sepertimana Rasullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *''Barang siapa meminta-minta kepada manusia agar hartanya bertambah, maka hal itu, akan menjadi cakaran pada wajahnya di hari kiamat, dan menjadi batu membara yang dimakannya dari jahanam. Barangsiapa menghendaki, maka persedikitlah, atau perbanyaklah''.* Hadis riwayat Imam at-Tarmidzi

Kita harus ingat bahawa harta yang dimiliki adalah hak milik Allah, kita hanya sebagai penerima amanah yang pasti akan ditanya dari mana harta yang kita peroleh itu dan ke mana kita membelanjakan harta tersebut. Oleh itu, berbelanjalah pada perkara yang halal dan sentiasa bersyukur agar setiap perbelanjaan yang kita lakukan mendapat keberkatan.

Program Keagamaan Senegara bagi sesi sebelah pagi, bermula 8.00 pagi, semua Persekolahan Ugama dan Arab. Bagi Persekolahan Ugama sesi petang, bermula 2.00 petang seluruh negara.

Acara program dimulakan dengan membaca Sayyidul Istighfar dan membaca Surah Al-Fatihah; Tazkirah - Budayakan Amalan Berjimat Cermat; membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah; juga Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Pusat tumpuan program tersebut bagi Daerah Brunei dan Muara, diadakan di Sekolah Arab Rimba, pada sebelah pagi, manakala di sebelah petangnya pula, diadakan di Sekolah Ugama Keriam, Daerah Tutong; Sekolah Ugama Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin, Kampung Pandan bagi Daerah Belait; dan Daerah Temburong, ia diadakan di Sekolah Ugama Bokok.





Pelita BRUNEI

# IMBASAN MINGGUAN



MAJLIS Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 diadakan di masjid-masjid terpilih, di setiap daerah. - Foto : Hamzah Mohidin.



SUNTIKAN dos pertama Vaksin COVID-19 diberikan kepada penerima-penerima vaksin di kesemua pusat vaksinasi di Negara Brunei Darussalam. Vaksinasi merupakan langkah yang paling efektif untuk melindungi diri sendiri, orang yang tersayang dan masyarakat daripada kesan bahaya COVID-19. - Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim.



SEBAHAGIAN daripada jemputan khas ketika mengambil juadah di Festival Songkran atau Festival Air. Festival itu berlangsung di kediaman Kedutaan Besar Thailand, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEORANG penerima ketika menerima vaksin di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir pada Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim dan Daif, yang berlangsung di Soto Pabo, Kampung Pintu Malim. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA**

**NOTIS JUALAN LELONG
SECARA TAWARAN AWAM**

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA
TINGKAT 1,
BAHAGIAN PENGHANTARAN &
PEMBAHAGIAN
IBU PEJABAT
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Tarikh Dibuka :
15 April 2021**

**Tarikh Tutup :
21 April 2021
Jam 3.00 Petang**

**Tarikh Menyaksikan :
15 hingga 21 April 2021
Jam 8.30 Pagi - 11.30 Pagi
(Pada Hari-Hari
Waktu Bekerja)**

**LOT : 1
KETERANGAN :
Aerial Platform Hicon MTB 160
RUJUKAN :
BG 9793**

**KETERANGAN :
Toyota Liteace KM 36RV-JR
RUJUKAN :
BG 7028**

**KETERANGAN :
Mitsubishi L200 Pick Up Double Cab
RUJUKAN :
BG 7739**

**KETERANGAN :
Isuzu 4X2 LWB Pick Up Crew Cab
RUJUKAN :
BG 9602**

**KETERANGAN :
Isuzu 4X2 LWB Pick Up Crew Cab
RUJUKAN :
BG 9666**

**KETERANGAN :
Mitsubishi L200 Pick (Long Body)
RUJUKAN :
BG 6714**

**TEMPAT :
Unit Kenderaan dan Bengkel Batu
Bersurat
Gadong**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam sahaja. Barang yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya bolehlah diperoleh dari Unit Logistik, Bahagian Penghantaran dan Pembahagian, Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama Berakas atau menghubungi di talian +673 2382090 sambungan 202.

3. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke Bahagian Penghantaran & Pembahagian, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dalam sampul surat yang tertutup dengan membubuh tajuk 'TAWARAN LELONG SEBUT HARGA TERTUTUP, BIL. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 11 / ' dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan.

**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH BESAR
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 707 / 2010**

**Nama Penghutang** - Awang Mohammad Nuhairi bin Salleh Bakar (ID No.: 00-276867). **Alamat** - No.56, Simpang 162, Kampung Perpindahan Mentiri, Jalan Kota Batu, BU2129, Negara Brunei Darussalam, **Nombor** - kebankrapan No.707 tahun 2010. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 37.22% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 20 Februari 2021. Dimana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

18 Mac 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 282 / 2009**

**Nama Penghutang** - Rubiah binti Haji Yahya (ID No.: 00-127657). **Alamat** - No. 81, Kampung Buda-Buda, Jalan Pendaruan / Temada, Temburong PE1511, Negara Brunei Darussalam, **Nombor** - kebankrapan No.282 tahun 2009. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 71.00%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 23 Januari 2021. Dimana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

22 Mac 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 98 / 2018**

**Nama Penghutang** - Evi Hidayatul Ezwana binti Haji Ramlee (ID No.: 00-290796). **Alamat** - No.9A, Simpang 637-84-164, STKRJ Lambak Kiri, Berakas BB1114, Negara Brunei Darussalam, Nombor - kebankrapan No. 98 tahun 2018. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 46.25% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 6 Februari 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

22 Mac 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 129 / 2008**

**Nama Penghutang** - Muhd Alauddin bin Abdullah @ Nani bin Sain (BYIC No.: 00-072370). **Alamat** - No. 35, Simpang 23, Jalan Kalajiau RPN Kg. Panaga Seria, Negara Brunei Darussalam, **Nombor** - kebankrapan No.129 tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 35 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 22 Disember 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

18 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH HAJI
ABD WAHAB
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**KES NO. BCY / CP / 355 / 2010**

**Nama Penghutang** - Mohammad Azri bin Abdullah (BYIC No.: 00-263686). **Alamat** - No. 246, Simpang 434, Jalan Nenas Pisang, STKRJ Katok B' BE1918, Negara Brunei Darussalam, **Nombor** - kebankrapan No.355 tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 35 sen **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 22 Disember 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

18 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH HAJI ABD WAHAB
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 163 / 2018**

Salah sebuah ruang yang mendapat perhatian ramai ialah yang menempatkan Potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Terkenal sebagai Arkitek Brunei Moden, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan bertitah sempena keluaran pertama akhbar Pelita Brunei di mana baginda menyatakan bahawa penerbitan akhbar Pelita Brunei merupakan salah satu usaha kerajaan dalam memberikan penerangan kepada orang ramai. Potret ini sebagai lambang bahawa akhbar Pelita Brunei mula diterbitkan semasa zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

### Hubungan Media

Para pengunjung galeri juga boleh melihat bagaimana Jabatan Penerangan berusaha untuk memelihara dan menjaga imej baik kerajaan dan negara menyelaras keperluan liputan majlis terutama bagi majlis-majlis peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seperti menyelaras permohonan akreditasi media untuk media tempatan mahupun dari luar negara.

Jabatan Penerangan juga membantu kelancaran majlis dari aspek liputan berita dan penggambaran dengan memberikan perkhidmatan Pegawai Perhubungan Media atau lebih sinonim dikenali sebagai Media Relations Officer (MRO) bagi majlis-majlis yang melibatkan keberangkatan kerabat diraja.

Hubungan baik dengan media juga sentiasa diperkukuhkan dan mesra dengan membantu agensi-agensi media menerima maklumat-maklumat yang tepat dan sahih daripada agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan. Pada masa yang sama, ia juga memastikan maklumat-maklumat daripada agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan diterima oleh agensi-agensi media seperti yang dihasratkan.

### Media Baharu

Untuk kekal relevan, Jabatan Penerangan sentiasa menyesuaikan dirinya dengan sebarang perubahan dan perkembangan sama ada dalam trend mahupun penggunaan teknologi maklumat yang terkini.

Justeru, Jabatan Penerangan tidak ketinggalan menggunakan teknologi maklumat sebagai platform untuk menyebarluaskan maklumat kepada rakyat dan penduduk sama ada di dalam mahupun luar negara seperti aplikasi mudah alih InfoDeptBN dan aplikasi mudah alih 'WeASEAN'.

Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan kerana galeri ini menawarkan kepada awda pelbagai maklumat mengenai perkhidmatan, aktiviti serta projek yang dikendalikan oleh jabatan ini.

BERITA GLOBAL

# BAM TIMBANG KEHADIRAN SEMULA PENONTON SAKSIKAN TERBUKA MALAYSIA 2021

**KUALA LUMPUR**, 11 April. - Peminat badminton tanah air mungkin berpeluang melepaskan rindu menyaksikan pemain negara beraksi pada Terbuka Malaysia di Arena Axiata, Bukit Jalil, di sini yang dijadual berlangsung dari 25 hingga 30 Mei depan.

Ini berikutan kesediaan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mempertimbangkan cadangan membenarkan kehadiran penonton ke venue Terbuka Malaysia itu selepas Aidilfitri nanti.

Presiden BAM, Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata pihaknya kini sedang menunggu lampu hijau daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM) berkenaan cadangan berkenaan.

"Dari segi peratusan (kemasukan), mungkin boleh gunakan panduan daripada MFL (Liga Bola Sepak Malaysia). Ini merupakan pertandingan antarabangsa dan berskala besar.

"Jika Terbuka Malaysia berjaya, ia mampu menjadi penanda aras kepada sukan lain untuk menganjurkan kejohanan antarabangsa di Malaysia," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) BAM di Akademi Badminton Malaysia (ABM), Bukit Kiara hari ini.

Perlawanan bola sepak Liga Super antara Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Melaka United FC pada 2 April lepas merupakan projek perintis protokol pengurusan semula penonton ke stadium.

Dalam pada itu, Mohamad Norza turut memaklumkan pihaknya akan menganjurkan Terbuka Malaysia mengikut konsep gelembung sukan bagi membendung wabak pandemik COVID-19 yang masih melanda negara dan dunia ketika ini.

Menurut beliau, BAM masih berbincang dengan MKN mengenai konsep gelembung sukan termasuk jumlah pemain yang dikuarantin, proses kuarantin serta bagaimana ujian calitan dilakukan.

Tambahnya, pihaknya berhasrat untuk mengaplikasikan konsep sama yang diguna pakai pada siri penganjuran sirkit Asia di Bangkok Thailand dan beberapa kejohanan terbuka di negara Eropah, dalam Terbuka Malaysian kelak.

Katanya, BAM juga masih menunggu jumlah negara yang berminat menyertai Terbuka Malaysia nanti.

Pertandingan berbasikal Le Tour de Langkawi pada Februari 2020 merupakan kejohanan antarabangsa terakhir di Malaysia yang disertai penonton sebelum larangan penonton ke venue atau stadium untuk semua kejohanan sukan dikuatkuasakan susulan wabak COVID-19. - ©BERNAMA

# Lapan tahun berlalu, penduduk masih trauma tragedi Tanduo

**LAHAD DATU**, 11 April. - Meskipun sudah lapan tahun peristiwa pencerobohan pengganas Sulu berlaku di Kampung Tanduo yang berlarutan hingga ke Tanjung Labian, Tungku dekat sini, namun penduduk setempat masih terkesan dengan tragedi itu.

Said Malandi, 70, yang menetap di Kampung Sungai Bilis, Tanjung Labian berkata tragedi itu juga membuatkan isterinya Halijah Abu Seman, 69, trauma setiap kali mendengar bunyi kapal terbang atau helikopter melintas di ruang udara kampung tersebut.

"Sehari sebelum pertempuran antara pasukan keselamatan dan pengganas Sulu itu, kami mendapat arahan untuk meninggalkan rumah. Saya dan isteri serta dua anak lelaki ditempatkan di Dewan Embara Budi, Semai Bakti yang terletak kira-kira 10 kilometer dari Tanjung Labian.

"Kami ditempatkan di dewan selama sebulan bersama-sama penduduk lain dan selepas itu, kami dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing dan saya sekeluarga cukup terkejut melihat dinding rumah penuh dengan kesan tembakan," kata bekas pesara tentera itu kepada pemberita di sini, hari ini.

Said merupakan penerima bantuan bagi program baik pulih prasarana dan rumah daif di Tanjung Labian oleh Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom), sempena ulang tahun kelapan ESSCom.

Said turut mengucapkan terima kasih kepada ESSCom serta Markas 13 Briged Kem Cenderawasih atas bantuan membaiki rumahnya termasuk kerja-kerja menukar atap, mengecat serta menampal lubang kesan tembakan penceroboh Sulu.

Sementara itu, Staf Pusat Operasi ESSCom Brig Jen Hamzah Ali berkata pelbagai aktiviti kemasyarakatan dilaksanakan ESSCom sebagai usaha membina hubungan baik antara pasukan keselamatan dan komuniti setempat.

"Pasukan keselamatan memerlukan kerjasama setiap penduduk untuk mencegah ancaman dan menentukan kestabilan sesebuah kawasan. Penduduk merupakan 'mata dan telinga' terbaik pasukan keselamatan," katanya.

Hamzah dalam pada itu berkata ESSCom bercadang mengadakan bengkel keselamatan di Pejabat ESSCom dengan penglibatan orang awam. - ©BERNAMA

# Liga Dunia Islam perkukuh kerjasama dengan Malaysia tangani ancaman terorisme

**RIYADH**, 11 April. - Liga Dunia Islam (MWL) komited untuk memperkukuh kerjasama dengan Malaysia dalam menangani isu terorisme, kata Setiausaha Agungnya Dr Mohammad Abdul Karim Al-Issa.

Al-Issa berkata kerjasama itu akan tertumpu kepada perkongsian kepakaran deradikalisasi dan memerangi ancaman pemikiran terorisme.

"Kumpulan pengganas sering memburukkan imej agama Islam dan mengancam keselamatan Islam dan penganutnya.

"MWL dan Malaysia menerusi pejabat Menteri Hal Ehwal Agamanya akan meneruskan kerjasama memerangi golongan ini bagi memastikan imej Islam dapat dijaga dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media Malaysia selepas pertemuan empat mata dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri di pejabat MWL di sini pada Sabtu.

Zulkifli kini berada di Arab Saudi untuk lawatan kerja bermula Jumaat lepas hingga 18 April ini atas jemputan MWL.

Dalam pertemuan yang berlangsung kira-kira satu jam itu, mereka turut berbincang tentang kerjasama hal ehwal Islam yang menumpukan pelbagai aspek termasuk dakwah serta saling bertukar pandangan dan pengalaman di antara kedua-dua pihak.

Al-Issa turut memuji Malaysia dalam menguruskan keharmonian agama dan pelbagai etnik serta melihat ia mampu menjadi contoh kepada negara lain.

"Malaysia dikagumi dan layak menjadi model negara yang mengamalkan wasatiyah persefahaman antara negara dan meraikan kepelbagaian agama yang membentuk masyarakat majmuk di negara ini," katanya.

MWL yang ditubuhkan pada 1962 merupakan sebuah badan bukan kerajaan Islam yang berpangkalan di Makkah, berperanan memperjelaskan mesej sebenar Islam dengan nilai-nilai kesederhanaan, keamanan dan toleransi.

Sementara itu, Zulkifli berkata kerjasama dengan MWL selaras dengan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika kunjungannya ke Arab Saudi Mac lepas.

"Saya lihat hubungan Malaysia dan WML sudah begitu lama…hampir setiap tahun kita hantar para mufti, pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan dan tokoh ulama untuk menyertai muktamar yang dianjurkan mereka.

"Apa yang saya lihat dalam pertemuan ini ialah satu bentuk kerjasama yang mungkin dapat kita lakukan dengan lebih tersusun terutama bantuan kepada mereka yang memerlukan, selain dakwah dan manhaj wasatiyah," katanya. - ©BERNAMA

# Korban nyawa di Myanmar kini cecah 701 orang

**KUALA LUMPUR**, 11 April. - Korban nyawa di Myanmar terus meningkat kepada 701 orang sejak tunjuk perasaan membantah rampasan kuasa tentera meletus, lapor Agensi Anadolu.

Laporan harian Badan Amal untuk Tahanan Politik berkata terdapat lagi korban terbaru membabitkan orang awam apabila pasukan keselamatan bertindak campur tangan.

Dalam kemas kini terbaru itu turut mendedahkan seramai 3,012 orang ditahan.

Sebanyak 656 waran tangkap dikeluarkan untuk penunjuk perasaan yang membantah rampasan kuasa.

Sekurang-kurangnya 82 orang terbunuh di Bago pada Jumaat apabila tentera campur tangan.

Tentera Myanmar melancarkan kudeta 1 Februari lalu, mendakwa berlaku penipuan semasa pilihan raya 8 November 2020 sekali gus menyebabkan negara ini dicengkam ketegangan politik.

Tentera menahan beberapa pegawai dan pemimpin parti pemerintah, termasuk Kaunselor Negara Aung San Suu Kyi selain mengisytiharkan darurat selama setahun.

Pegawai tinggi yang ditahan dihadapkan ke mahkamah tentera, ketika demonstrasi terus berleluasa. - ©BERNAMA

# Pasangan datuk, datin ditahan terlibat sindiket dadah

**BATU PAHAT**, 11 April. - Pasangan suami isteri bergelar 'Datuk dan Datin' antara sembilan individu yang ditahan polis dalam enam serbuan berasingan di dua negeri pada Rabu dan Khamis lepas (7 dan 8 Apr) dipercayai terlibat dalam sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Timbalan Pengarah Narkotik (Risikan dan Operasi) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman DCP Zainudin Ahmad berkata 'Datuk' itu dikenali sebagai ahli perniagaan berusia 59 tahun.

"Polis merampas sebanyak 12.24 kg syabu, 6.61 kg pil ektasi dan 420 gram ketamin serta tiga buah kenderaan mewah juga barang kemas, kesemuanya dianggarkan bernilai RM1.39 juta.

"Kumpulan ini yang ditahan hasil operasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Selangor dan Johor itu, dipercayai aktif menjalankan pengedaran dadah sejak pertengahan bulan September 2020," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat, di sini hari ini.

Beliau juga percaya sindiket itu menjadikan perairan di sekitar pantai barat Johor termasuk di Batu Pahat untuk membawa keluar dadah berkenaan bagi pasaran di Indonesia.

Daripada sembilan ditahan, seorang didapati positif dadah dan lima daripadanya mempunyai rekod kesalahan lampau berkaitan jenayah dan dadah termasuk 'Datuk' yang pernah dipenjara selama lima tahun, sebelum ini, juga berkaitan dadah.

Kesemua suspek warga tempatan berusia antara 22 hingga 59 tahun itu, ditahan reman selama tujuh hari sehingga Rabu depan untuk siasatan kes di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Zainudin berkata kumpulan sindiket itu dipercayai mempunyai kaitan dengan tangkapan pihak berkuasa negara Taiwan, bulan lepas, melibatkan pengedaran dadah antarabangsa.

"Tiga warga Malaysia dan empat warganegara Indonesia ditahan di perairan Taiwan dengan rampasan dadah membabitkan dadah jenis ketamin seberat 281 kg dengan anggaran nilai sebanyak RM15 juta," katanya

Susulan itu, pihak berkuasa Taiwan telah menghubungi pihaknya mengenai tangkapan berkenaan dan hasil siasatan mereka mendapati kesemua individu terbabit mengaku mempunyai kaitan dengan kumpulan di Malaysia ini.

"Polis kini sedang giat mencari saki-baki ahli kumpulan ini yang dipercayai menjadi perantara berdasarkan modus operandi mereka menggunakan jalan laut untuk menyeludup keluar dadah," katanya. - ©BERNAMA

Pelita Brunei

BERITA GLOBAL

# KES COVID-19 TERUS MENINGKAT DI THAILAND, VAKSIN TAMBAHAN 1 JUTA DOS TIBA

**BANGKOK**, 11 April. - Thailand mencatat 789 kes baharu COVID-19 dengan satu kematian dalam tempoh 24 jam lepas menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan di negara itu setakat ini ialah 31,658 dan 97 kematian.

Kes kematian membabitkan seorang lelaki warga emas tempatan berusia 68 tahun dari Nakhon Pathom dengan masalah kesihatan seperti diabetes dan tekanan darah tinggi yang meninggal dunia pada 4 April.

Bagaimanapun, semalam doktor merumuskan bahawa dia meninggal dunia akibat COVID-19.

Daripada 789 kes baharu itu, Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) memaklumkan bahawa sejumlah 781 merupakan jangkitan tempatan termasuk 522 yang mendapatkan rawatan di hospital dan 259 melalui pengesanan aktif manakala lapan kes import.

"Penularan terkini itu telah merebak ke Bangkok dan 61 daripada 77 wilayah di Thailand. Kluster baharu itu yang dikaitkan dengan pusat hiburan telah menjangkiti 2,697 orang termasuk 1,058 di Bangkok," menurutnya dalam satu kenyataan.

Susulan kenaikan jumlah pesakit COVID-19 di Bangkok dan wilayah berhampiran, kerajaan mengambil langkah membuka hospital medan dalam usaha meningkatkan keupayaan sektor kesihatan.

Pentadbiran Metropolitan Bangkok (BMA) mewujudkan hospital medan bagi menampung peningkatan jumlah pesakit COVID-19 di ibu negara.

Gabenor Aswin Kwanmuang berkata hospital medan boleh menampung sehingga 5,000 pesakit dan boleh meluaskannya kepada 10,000 orang.

Jurucakap Kementerian Pertahanan Leftenan Jeneral Kongcheep Tantravanich berkata kementerian itu bercadang mewujudkan 10 hospital medan di Bangkok dan wilayah berhampiran untuk menyediakan sejumlah 3,000 katil.

Sementara itu, Thailand pada Sabtu menerima sejumlah sejuta dos vaksin COVID-19 tambahan jenis Sinovac.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kesihatan Awam Thailand, Anutin Charnvirakul menerusi satu hantaran di laman Facebook, berkata vaksin itu akan diagih kepada orang ramai secepat mungkin.

Sementara itu, Pengarah Pertubuhan Farmaseutikal Kerajaan (GPO), Dr Withoon Danwiboon berkata vaksin itu adalah lot terakhir bagi sejumlah dua juta dos yang dibeli daripada syarikat Sinovac Life Sciences Co Ltd dari China. Lot pertama iaitu 200,000 dos telah tiba pada 24 Feb lepas manakala lot kedua sebanyak 800,000 dos diterima pada 22 Mac.

Beliau berkata Thailand telah memperoleh sejumlah 500,000 dos tambahan vaksin jenis Sinovac yang dijangka tiba pada akhir April untuk menginokulasi kumpulan berisiko tinggi.

Sementara itu, ahli virologi kanan Universiti Chulalongkorn Dr Yong Poovorawan berkata gelombang baharu COVID-19 di Thailand mungkin mempunyai kaitan dengan 'strain Kemboja' yang didapati menular di negara tersebut kira-kira enam minggu lepas.

Beliau berkata strain COVID-19 yang dikesan di Thailand dalam kalangan pengunjung pusat hiburan malam di Bangkok adalah sepadan dengan strain Kemboja.

"Strain terkini yang dikesan di Thailand tidak sepadan 100 peratus dengan strain British atau lain-lain namun didapati 100 peratus sepadan dengan strain Kemboja," katanya sambil memetik laporan akhbar The Nation. - ©BERNAMA

## Polis tumpaskan sindiket lombong bitcoin curi elektrik di Bahau

**JEMPOL**, 11 April. - Polis menumpaskan sindiket perlombongan bitcoin yang mencuri bekalan elektrik bagi menjalankan kegiatan mereka dalam serbuan ke atas lima premis rumah kedai di sekitar Bahau pada 11.30 malam tadi.

Ketua Polis Daerah Jempol Supt Hoo Chang Hook berkata operasi yang dijalankan bersama 'Special Engagement Against Losses' (SEAL) TNB itu menyaksikan rampasan bernilai RM380,000, antara yang terbesar membabitkan perlombongan bitcoin di daerah berkenaan setakat ini.

"Dalam operasi bersepadu itu sebanyak 190 unit mesin perlombongan bitcoin disita. Kesemua premis ini dipercayai sudah beroperasi dua hingga empat bulan dan menyebabkan TNB mengalami kerugian sebanyak RM216,487.

"Tiada tangkapan dibuat setakat ini. Usaha mengesan pemilik premis akan dilakukan bagi membantu dalam siasatan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Katanya kes disiasat di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan dan Akta Bekalan Elektrik 1990 kerana mencuri bekalan elektrik. - ©BERNAMA

## Gempa di Jawa Timur : 7 disahkan terkorban setakat pagi ini

**JAKARTA**, 11 April. - Kejadian gempa bumi kuat di Jawa Timur selatan semalam disahkan meragut tujuh nyawa setakat pagi tadi, selain menyaksikan lebih 800 kediaman dan bangunan runtuh serta rosak teruk.

Menurut Ketua Pusat Data, Informasi dan Komunikasi Badan Nasional Pengurusan Bencana Indonesia (BNPB) Raditya Jati, tiga kematian dilaporkan di Kabupaten Malang sementara empat di Kabupaten Lumajang.

Hingga kini, BNPB masih mengumpul statistik di 17 kabupaten dan kota di Jawa Timur yang mengalami gegaran bermagnitud 6.7 pada skala Richter pada kira-kira 2 petang semalam, berpusat di 90 kilometer barat daya Kabupaten Malang.

Badan Meteorologi Klimatologi dan Geofisika (BMKG) Indonesia turut mencatatkan beberapa gempa susulan bermagnitud rendah masih berlaku di wilayah berkenaan, dan terbaharu bermagnitud 5.5 pada skala Richter pada 6.54 pagi tadi.

Kejadian gegaran semalam itu turut dirasakan di hampir seluruh wilayah Jawa Timur, termasuk beberapa kawasan di Jawa Tengah serta Pulau Bali dan Lombok. - ©BERNAMA

## Pengagihan makanan secara terus kepada gelandangan pada bulan Ramadan dilarang - DBKL

**KUALA LUMPUR**, 10 April. - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana individu dilarang mengagihkan sumbangan makanan kepada gelandangan secara terus di sekitar pusat bandar raya sepanjang bulan Ramadan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan kawal selia itu dilaksanakan bagi mengelak berlaku pembaziran dan kekotoran, selain mengekang penularan wabak COVID-19.

Bagaimanapun, DBKL memaklumkan pengagihan makanan masih boleh diteruskan melalui dua pusat gelandangan iaitu di Pusat Transit Gelandangan Jalan Pahang dan Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tunku, selain satu pusat komuniti iaitu Pusat Pembelajaran Komuniti, Chow Kit.

"DBKL mendapati terdapat banyak pihak sama ada NGO, kumpulan atau individu yang mengagihkan makanan di lokasi-lokasi 'hotspot' gelandangan di pusat bandar antaranya sekitar Masjid Jamek, Pasar Seni dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

"Keadaan ini telah menimbulkan gangguan, ketidakselesaan kepada pemilik premis dan menunjukkan persepsi negatif masyarakat terhadap DBKL. Aktiviti pemberian makanan kelihatan tidak dapat dikawal terutama ketika bulan Ramadan," menurut kenyatan itu.

Menurut DBKL orang ramai yang ingin menyumbang perlu menghubungi talian 03-2617 6321 terlebih dahulu bagi tujuan penjadualan agihan, dan mereka yang gagal mematuhi arahan yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan. - ©BERNAMA

## Kadar sisa makanan di Melaka dijangka meningkat sepanjang Ramadan

**MELAKA**, 11 April. - Kadar sisa makanan di Melaka dijangka meningkat sebanyak 20 peratus sepanjang Ramadan tahun ini, kata Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Khairuladha Ab Mutalib.

Beliau berkata peningkatan itu berdasarkan kajian komposisi tahun lepas yang merekodkan kadar pembuangan sisa makanan meningkat kepada 450 tan sehari semasa Ramadan berbanding 340 tan pada bulan biasa.

"Walaupun jumlah sisa buangan merekodkan penurunan sepanjang tempoh pandemik tahun lepas namun trend pembuangan sisa makanan tetap meningkat pada Ramadan.

"Berdasarkan kajian komposisi tahun lepas, pembuangan sisa makanan pada Ramadan meningkat sebanyak 90 tan sehari," katanya.

Khairuladha berkata demikian pada sidang akhbar selepas pelancaran Program Mendaya Komuniti Peringkat Negeri Melaka dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Penggerak Komuniti Negara (PKN) Melaka, di sini, hari ini.

Program itu dilancarkan Pengerusi SWCorp, Dr Daroyah Alwi dan turut hadir, Pengerusi PKN Melaka, Abdul Wahab Ibrahim.

Beliau juga berkata pihaknya menggalakkan pembeli membawa dan menggunakan bekas makanan sendiri ketika membeli juadah di Bazar Ramadan.

"Kita juga sudah mengadakan perbincangan dengan peniaga Bazar Ramadan dan pihak berkuasa tempatan untuk menggalakkan penggunaan beg kitar semula," katanya.

Dr. Daroyah pula berkata MoU antara Swcorp dan PKN merupakan usaha memperkasa komuniti serta rakyat dalam program berkaitan kebersihan dan amalan 3R di peringkat komuniti.

Beliau berkata ia melibatkan aktiviti penjagaan kebersihan seperti gotong-royong, Trash to Cash, pengumpulan minyak terpakai dan pendaftaran sukarelawan Hero Kebersihan.

"Kita harap segala inisiatif dan usaha yang dilaksanakan oleh semua pihak dapat merealisasikan sasaran untuk mencapai 32 peratus kadar kitar semula kebangsaan yang ditetapkan pada tahun 2021," katanya. - ©BERNAMA

## COVID-19 : Rakyat Malaysia ziarah keluarga antara 32 kes baharu di Singapura

**SINGAPURA**, 11 April. - Seorang lelaki rakyat Malaysia berusia 53 tahun adalah antara 32 kes baharu COVID-19 dilaporkan di Singapura pada Sabtu, menurut Kementerian Kesihatan republik itu.

Kementerian itu menerusi data penuh yang dikeluarkan lewat malam tadi memaklukan lelaki itu yang dilabelkan sebagai Kes 61808, tiba dari Malaysia untuk melawat ahli keluarganya yang merupakan Pemastautin Tetap Singapura.

Rakyat Malaysia yang memegang pas lawatan jangka pendek itu dikategorikan sebagai kes import dan tidak menunjukkan gejala atau asimptomatik.

Setakat tengah hari Sabtu, Singapura mencatatkan 32 kes baharu iaitu 31 kes import dan satu kes dalam komuniti, menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan di sini kepada 60,633.

Sehingga kini, kementerian telah mengklasifikasikan 3,789 daripada kes yang dilaporkan sebagai import, 2,333 kes komuniti dan 54,511 melibatkan penghuni asrama.

Secara keseluruhan, 60,322 kes telah sembuh sepenuhnya dan dibenarkan keluar hospital atau kemudahan rawatan komuniti.

Terdapat 45 kes yang disahkan pada masa ini masih dirawat di hospital dengan seorang dalam keadaan kritikal di unit rawatan rapi.

Sebanyak 236 orang yang mempunyai gejala ringan atau secara klinikal sihat tetapi diuji positif COVID-19 telah diasingkan dan dirawat di kemudahan rawatan komuniti.

Setakat ini, 30 orang telah meninggal dunia di republik ini berikutan komplikasi akibat jangkitan COVID-19.

Tiada kluster COVID-19 di Singapura pada masa ini. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# BOOKDOC SASAR TINGKAT KESEDARAN GAYA HIDUP SIHAT MELALUI KERJASAMA DENGAN EMPAT NGO

**KUALA LUMPUR,** 10 April. - Platform penjagaan kesihatan dalam talian, BookDoc bekerjasama dengan empat badan bukan kerajaan (NGO) bagi mengumpul dana dan mempromosi gaya hidup sihat melalui pelbagai kempen promosi kesihatan.

Empat NGO berkenaan adalah Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM), Muslim Volunteer Malaysia (MVM), Persatuan Angin Ahmar Kebangsaan Malaysia (NASAM) dan myHarapan-Youth Trust Foundation.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif BookDoc Datuk Chevy Beh dalam kenyataan hari ini berkata melalui inisiatif tanggungjawab sosial (CSR), BookDoc berharap dapat meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya teknologi digital dalam memudahkan akses kepada penjagaan kesihatan.

"Sebagai inisiatif CSR BookDoc, kami menjalankan kempen amal yang mana sebahagian daripada hasilnya akan disumbangkan kepada NGO terlibat. BookDoc amat berbesar hati untuk menjalin kerjasama dengan NASOM, MVM, NASAM dan myHarapan," katanya.

Dengan mengucapkan terima kasih kepada BookDoc, keempat-empat NGO terbabit berharap agar kempen ini dapat meningkatkan kesedaran mengenai gaya hidup sihat.

"NASAM sangat berbesar hati untuk bekerjasama dengan BookDoc dalam meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan dan pengurangan strok melalui platform telekesihatan BookDoc. Kami sangat menghargai inisiatif CSR yang ditawarkan oleh BookDoc, dan dengan pelancaran inisiatif ini, kami ingin memberi kesedaran bahawa pemulihan awal berpotensi mengurangkan kebergantungan jangka panjang bagi mangsa strok" kata Ketua Rehab NASAM Tracy Chan dalam kenyataan sama.

Dalam pada itu, Pengerusi NASOM Julian Wong berharap dapat mencapai setiap rakyat Malaysia yang tinggal di bandar mahupun kawasan luar bandar, dalam meneruskan usaha mendidik orang ramai mengenai Autism Spectrum Disorder (ASD) dan menggalakkan penerimaan orang ramai terhadap spektrum sebagai ahli masyarakat.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MVM Mohd Fauzan Abdul Sukor berkata kerjasama itu bukan sahaja menolong mereka yang memerlukan untuk mendapatkan bantuan penjagaan kesihatan bersesuaian secara berkesan, tetapi juga menjadikan setiap orang sebagai penderma melalui sumbangan menerusi BookDoc yang akan menyokong projek amal MVM pada masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif myHarapan Nurfarini Daing berharap kerjasama ini dapat memenuhi keperluan dalam masyarakat dan membantu melindungi kesihatan awam, sejajar dengan wawasan dunia yang lebih lestari, kerana inisiatif ini membantu meningkatkan kesedaran tentang bagaimana teknologi menjadikan kehidupan lebih baik. - ©BERNAMA

# Utusan PBB tiba di Bangkok runding isu Myanmar

**BANGKOK**, 10 April. - Selepas tidak dibenarkan memasuki Myanmar, utusan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Myanmar, Christine Schraner Burgener tiba di Bangkok pada Jumaat bagi memulakan lawatan ke negara Asia.

Kementerian Luar Thailand (MFA) berkata Schraner Burgener yang sudah menerima dua dos vaksin COVID-19, sedang menjalani kuarantin tujuh hari.

"Selepas kuarantin, beliau dijadual bertemu beberapa pegawai kanan kerajaan, termasuk wakil Perdana Menteri dan Menteri Luar Don Pramudwinai dan pegawai agensi PBB.

"Kunjungan ke Thailand bertujuan bertukar dan berkongsi pandangan serta perspektif mengenai situasi di Myanmar, untuk mencari jalan penyelesaian," kata MFA dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebagai negara jiran, MFA berkata Thailand turut bimbang dengan situasi Myanmar dan kesannya terhadap rakyat.

"Kami komited untuk bekerjasama dan terlibat secara konstruktif dengan masyarakat antarabangsa, termasuk melalui PBB dan ASEAN untuk mencari penyelesaian secara aman bagi Myanmar dan rakyatnya.

"Kami berharap lawatan ke rantau ini oleh Utusan Khas dapat menyumbang ke arah penyelesaian," tambah kenyataan itu.

"Baru tiba di BKK (Bangkok) untuk rundingan. Saya kecewa, semalam Tatmadaw (angkatan tentera) membalas permintaan saya dengan mengatakan mereka tidak bersedia menerima saya. Saya sedia untuk berdialog. Keganasan tidak akan membawa kepada sebarang penyelesaian," tulis beliau di Twitter.

Sementara itu, AFP melaporkan lawatan Schraner Burgener ke Myanmar untuk bertemu pemimpin tertinggi tentera namun, jurucakap junta Zaw Min Tun berkata "kami tidak ada sebarang rancangan untuk beri kebenaran buat masa ini".

Sekurang-kurangnya 600 orang awam terbunuh ekoran tunjuk perasaan yang tercetus sejak rampasan kuasa tentera 1 Februari lalu dan hampir 3,000 lagi ditahan. - ©BERNAMA

# Bubur lambuk Kampung Baru kembali meriahkan Ramadan ini

**KUALA LUMPUR,** 10 April. - Peminat bubur lambuk Kampung Baru akan dapat menikmati keenakan juadah tradisi berusia lebih 100 tahun itu apabila program edaran makanan tersebut yang menjadi program tahunan akan diteruskan sempena Ramadan tahun ini.

Tahun lepas program edaran bubur lambuk oleh Masjid Jamek Kampung Baru, tidak dapat dilaksanakan berikutan pandemik COVID-19.

Pengerusi masjid itu Datuk Mohd Khay Ibrahim berkata Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memberi kelulusan untuk menyediakan, memasak dan mengedarkan bubur lambuk kepada orang ramai.

"Buat masa ini, kami hanya akan buat untuk pengagihan kerana berdasarkan maklumat daripada surat pekeliling Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) masih tidak membenarkan majlis berbuka puasa dilakukan di masjid," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata tahun ini, pihak masjid membelanjakan lebih RM200,000 yang diterima daripada sumbangan orang ramai bagi penyediaan hidangan tersebut.

"Kami akan memasak minimum 15 periuk setiap hari sepanjang Ramadan ini, yang akan dilaksanakan secara gotong-royong membabitkan hampir 30 kariah masjid.

"Biasanya, untuk satu periuk kami akan peroleh hingga 190 bungkus bubur lambuk dan kami akan menggunakan 15 kilogram beras (kg), enam kg daging, enam kg santan, satu kg udang kering serta campuran rempah ratus," katanya.

Menceritakan keenakan bubur lambuk Kampung Baru, Mohd Khay berkata tiada rahsia tertentu di dalam penyediaannya.

"Kami menggunakan resipi turun-temurun dan tidak pernah merahsiakan bahan yang digunakan atau mengurangkan serta menambah ramuan. Mungkin juga keberkatan bersedekah kepada orang ramai membuatkan ia rasa sedap," katanya.

Pada masa sama, Mohd Khay juga yakin masyarakat boleh mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sepanjang proses pengagihan dilaksanakan nanti.

"Kami tidak lihat penetapan SOP ini sebagai satu kesusahan kerana ia sudah menjadi amalan semua masyarakat sejak setahun lepas.

"Selain beratur di perkarangan masjid, mungkin kami juga akan mengaplikasikan kaedah secara pandu lalu namun itu juga mengikut kepada kesesuaian," katanya. - ©BERNAMA

# Sultan Selangor, Tengku Permaisuri selesai terima suntikan kedua vaksin COVID-19

**SHAH ALAM**, 10 April. - Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin telah selesai menerima suntikan dos kedua vaksin COVID-19 Pfizer BioNTech di Hospital Shah Alam, dekat sini.

Istana Selangor dalam satu hantaran di laman Facebook Selangor Royal Office hari ini memberitahu suntikan dos kedua itu dibuat selepas 21 hari baginda berdua berkenan menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19 pada 20 Mac lepas.

Turut berkenan menerima suntikan dos kedua adalah Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

"Baginda berkenan mengambil suntikan vaksin COVID-19 selepas dimaklumkan bahawa hampir kesemua petugas barisan hadapan di Selangor telah mendapatkan suntikan vaksin masing-masing.

"Baginda turut menyeru sekalian rakyat jelata di semua peringkat umur supaya tidak ragu-ragu untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 demi kesejahteraan dan kesihatan bersama," menurut hantaran itu.

Sultan Sharafuddin juga menggesa rakyat agar segera membuat pendaftaran di aplikasi MySejahtera dan bersabar menanti giliran mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. - ©BERNAMA

# Premis pusat hiburan 'tersorok' diserbu

**KUALA LUMPUR,** 10 April. - Sebuah premis pusat hiburan yang beroperasi di lokasi tersorok dan dikawal ketat oleh pengawal keselamatan di Jalan Yap Kwan Seng di sini diserbu polis, malam tadi.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, ACP Mohamad Zainal Abdullah berkata dalam serbuan kira-kira 8.30 malam itu, seramai 24 pengunjung termasuk tujuh wanita, seorang pemilik premis, empat pekerja warga Bangladesh serta lapan wanita pelayan pelanggan (GRO) warga Thailand berusia antara 20 hingga 50 tahun, ditahan.

Menurutnya, semakan mendapati premis dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) itu mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan hanya membenarkan pelanggan tetap untuk masuk.

"Pemilik pusat hiburan dikompaun RM25,000 dan 24 pengunjung dikompaun RM5,000 (setiap seorang) kerana ingkar prosedur operasi standard (SOP) dengan menjalankan perniagaan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) serta dikompaun mengikut Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (No.4) 2021," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohamad Zainal berkata empat pekerja warga Bangladesh serta seorang GRO warga Thailand ditahan kerana disyaki tidak memiliki dokumen perjalanan sah manakala tujuh lagi GRO warga Thailand yang turut ditahan kerana dipercayai memiliki permit dan dokumen perjalanan memasuki Malaysia palsu.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang Supt Mohd Sabri Abdullah dalam kenyataan hari ini berkata pihaknya sedang memburu seorang pemandu lelaki disyaki melarikan diri daripada pemeriksaan polis di sekatan jalan raya (SJR) di Tol Kajang, semalam.

"Dalam kesesakan lalu lintas anggota polis telah pergi ke kenderaan tersebut dan mengarahkan pemandunya berhenti namun suspek enggan sebelum terus melarikan diri.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta tampil untuk memberi maklumat," katanya.

Mohd Sabri berkata kes disiasat mengikut Seksyen 42 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu kenderaan secara melulu dan merbahaya serta di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas apabila enggan memberikan kerjasama semasa pemeriksaan hendak dijalankan. - ©BERNAMA

## INFO SUKAN

**PERSEKUTUAN Bola Baling Negara Brunei Darussalam (BHF) ditubuhkan pada 12 Mac 2012 oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC).**

ePaper Pelita Brunei

# BERSAMA PROMOSIKAN KE ARAH HIDUP SIHAT



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Seria (kiri dan atas).**

**Oleh : Noraisah Haji Muhammed**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Nikman**

**SERIA**, Ahad, 11 April. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan agensi berkepentingan lain mengungkayahkan Program Mukim Sihat bagi mukim-mukim di seluruh negara sejak tahun 2006 lalu.

Setakat ini, program berkenaan telah diadakan sebanyak 31 kali, di 21 buah mukim, di seluruh daerah.

Sehubungan itu, melalui Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menitikberatkan kepentingan memperkasa persekitaran sihat sebagai salah satu platform dalam mempromosi kesihatan.

Persekitaran yang sihat merupakan tempat atau persekitaran sosial, di mana orang ramai boleh melakukan aktiviti harian dan berinteraksi dengan suasana, organisasi dan peribadi untuk mempengaruhi kesihatan juga kesejahteraan individu dan komuniti.

Salah satu platform yang dikenal pasti sesuai untuk dijadikan sebagai persekitaran yang sihat adalah mukim dan kampung.

Program Mukim Sihat diungkayahkan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat setempat mengenai isu-isu kesihatan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan untuk orang ramai di hospital dan pusat-pusat kesihatan, seperti amalan cara hidup sihat, penyakit-penyakit kronik, perkhidmatan pergigian, klinik mata dan seumpamanya.

Di samping memperkasa masyarakat setempat untuk mengamalkan amalan cara hidup sihat yang berterusan (*sustainability* dan *behavior change*), seperti pemakanan sihat dan kegiatan fizikal. Selain menjadikan amalan cara hidup sihat sebagai satu inisiatif dalam pelaksanaan yang dibuat oleh MPMK sendiri (*ownership*).

Program Mukim Sihat kali ini diadakan di Mukim Seria dengan kerjasama Pusat Kesihatan Panaga, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad dan Majlis Perundingan Mukim (MPM) Seria, bertempat di Seria Energy Recreational Park, Pekan Seria.

Penglibatan daripada pelbagai pihak, seperti pihak swasta, pihak sekolah, pusat / Klinik Kesihatan, masjid / surau, agensi-agensi lain dan persatuan sukarelawan adalah amat penting sebagai pemangkin dan pemudah cara dalam memastikan program juga aktiviti promosi kesihatan, di peringkat komuniti dilaksanakan mengikut kesesuaian penduduk mukim atau kampung berkenaan.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan pada program berkenaan, antaranya riadah walkaton, selain pameran kesihatan daripada Kementerian Kesihatan; Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC); Gleneagles JPMC; Brunei LNG; dan agensi lain.

Selain itu, jualan makanan dan minuman sihat dan promosi keahlian kelab-kelab kesihatan, di Mukim Seria juga diadakan.

Sementara demonstrasi kesihatan daripada Pusat Kesihatan Panaga, termasuk senaman pergerakan dan ujian kecergasan bagi warga emas; Bengkel First Aid dan CPR; bengkel mencuci tangan dengan betul dan demonstrasi memberus gigi dengan betul; demonstrasi kegiatan fizikal daripada MPM Seria, termasuk Seni Silat dan Karate-Do.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Seria, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Program juga dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung; juga Ketua Rumah Panjang Daerah Belait; Pegawai-pegawai Kanan; Pegawai-pegawai daripada Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad; pegawai-pegawai jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta; juga lebih kurang 400 Penduduk Mukim Seria.

Dengan adanya pelancaran seumpama itu, diharap agar pihak akar umbi dan Penduduk Negara Brunei Darussalam lain akan turut serta bersama-sama membantu dalam mempromosi kesihatan, di Negara Brunei Darussalam.

Program mendapat sokongan dengan kerjasama dan penyertaan penduduk mukim dan kampung sebagai salah satu objektif utama dan merealisasikan Visi Kementerian Kesihatan 2035 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan mendukung Wawasan Negara 2035 : Kualiti Kehidupan Yang Tinggi.

# Razlan yakin Morbidelli raih penamat podium di GP Portugal

**KUALA LUMPUR,** 10 April. - Petronas Yamaha Sepang Racing Team (SRT) yakin Franco Morbidelli mampu meraih penamat podium dalam perlumbaan Grand Pix (GP) Portugal pada 16-18 April ini.

Prinsipal pasukan Datuk Razlan Razali percaya Morbidelli kembali menyinar pada perlumbaan ketiga musim ini di Litar Antarabangsa Algarve, Portimao berdasarkan fakta pelumba Itali mempunyai rekod baik di litar sama musim lepas.

Pelumba berusia 26 tahun itu menamatkan perlumbaan di tempat ketiga pada musim lepas, di belakang pelumba Red Bull KTM Tech 3 Miguel Oliveira dan Jack Miller dari Pramac Racing yang masing-masing menduduki tempat pertama dan kedua.

"Kami mempunyai data untuk diteliti dan dibandingkan dengan perlumbaan di Qatar...kami perlu bersaing dan berada di sana untuk memburu podium," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Bagaimanapun, Razlan mengingatkan pelumba agar berwaspada dengan kemunculan pesaing terutama dari Ducati Lenovo Team yang menunjukkan peningkatan mendadak serta pelumba Red Bull KTM Factory Racing yang mempunyai prestasi hebat di Portimao.

Di samping itu, beliau berharap agar Valentino Rossi tampil lebih hebat di Portugal dengan memperbaiki pengaturan dan gaya tunggangannya dalam usaha memburu lima kedudukan terbaik pada perlumbaan akan datang.

Sementara itu, Razlan turut merasakan bahawa masalah tayar menyebabkan prestasi tidak menentu Morbidelli manakala Rossi pula menghadapi masalah berkaitan pengaturan jenteranya pada dua perlumbaan sebelum ini.

Kedua-dua pelumba itu dibelenggu permulaan yang sukar pada dua perlumbaan musim 2021.

Morbidelli menamatkan perlumbaan di tempat ke-12 manakala Rossi di tempat ke-18 pada perlumbaan pembukaan di GP Qatar bulan lepas, manakala pada minggu lepas Morbidelli sekali lagi menamatkan perlumbaan di kedudukan ke-12 dan Rossi ke-16 pada GP Doha, kedua-dua perlumbaan berlangsung di Litar Losail. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DIWAJIBKAN KE ATAS ORANG YANG BERIMAN BERPUASA

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam